

**SESI PENDENGARAN AWAM
JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENIMBANG RANG UNDANG-UNDANG
MENGENAI RANG UNDANG-UNDANG
SURUHANJAYA BEBAS ADUAN SALAH LAKU POLIS 2019
BILIK PERLIS, ARAS 2, BLOK A
KOMPLEKS PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
KOTA KINABALU, SABAH**

AHAD, 10 NOVEMBER 2019

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir

YB. Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor] - *Pengerusi*
YB. Dr. Su Keong Siong [Kampar]
YB. Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]
YBhg. Datuk Roosme binti Hamzah - *Setiausaha*

Tidak Hadir [Dengan Maaf]

YB. Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu]
YB. Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau]
YB. Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]
YB. Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]

URUS SETIA

Encik Wan Ahmad Syazwan bin Wan Ismail [Ketua Penolong Setiausaha Seksyen Pengurusan Kamar Khas (Pengurusan Dewan Rakyat), Parlimen Malaysia]
Encik Amir Lutfi bin Makhtar [Penolong Setiausaha Seksyen Perundangan dan Prosiding (Pengurusan Dewan Rakyat), Parlimen Malaysia]
Puan Siti Fahlizah binti Padlee [Pegawai Penyelidik Seksyen Sains, Tenaga dan Teknologi (Penyelidikan dan Perpustakaan), Parlimen Malaysia]
Cik Aiza binti Ali Raman [Penasihat Undang-undang II (Pejabat Penasihat Undang-undang), Parlimen Malaysia]

HADIR BERSAMA

YB. Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu]
Tuan Tan Lee Fatt [ADUN N.14 Likas]

Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (SIAP)

Encik Mohd Abd Shukor bin Yong [Pegawai Undang-undang]

Pusat Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Nasional (GIACC)

Puan Kalai Vani a/p Annadorai [Penasihat Undang-undang]

samb/-

*samb/-***HADIR BERSAMA****Polis Diraja Malaysia (PDRM)**

YBhg. SAC Dato' Mohd Azman bin Ahmad Sapri [Ketua Urus setia KPN (Perundangan)]

Kementerian Dalam Negeri (KDN)

YBhg. Datuk Yusran Shah bin Mohd Yusof [Setiausaha Bahagian Keselamatan]

Puan Helina binti Sulaiman [Penasihat Undang-undang]

Puan Nur Jihan binti Mohd Azman [Peguam Kanan Persekutuan]

Bahagian Hal Ehwal Undang-undang (BHEUU)

YBhg. Dato' Rohaizi bin Bahari [Timbalan Ketua Pengarah (Dasar dan Pembangunan)]

Pejabat Penasihat Undang-undang, Jabatan Perdana Menteri (JPM)

Puan Adibah Hanim binti Ab Hamid [Pegawai Undang-undang (2)]

Jabatan Peguam Negara (AGC)

Puan Nurhafiza binti Marsidi [Penolong Kanan Penggubal Undang-undang Parlimen]

Jabatan Imigresen Malaysia, Sabah

Puan Noraini binti Haji Rasi [Penolong Pengarah Kanan]

Pejabat Ahli Parlimen

Encik Albert Bingkasan [Pegawai Ahli Parlimen Tuaran]

Encik Zarif Jumaat [Pegawai Khas Yang Berhormat Pengerang]

PEMBENTANG**Polis Diraja Malaysia Bahagian A – Pembentang 1**

SAC Datuk Jauteh bin Dikun [Ketua Jabatan Siasatan Jenayah]

SAC Zabidi Hj Md. Zain [Ketua Jabatan Pengurusan]

ACP Tan Boon Seng [Jabatan Siasatan Jenayah (Siasatan / Perundangan)]

ACP Abdul Rahman bin Kassim [Jabatan Siasatan Jenayah (Risik / Operasi)]

Supt. Dzulbaharin bin Hj. Ismail [Ketua Polis Daerah Kinabatangan]

Supt. Abdul Fuad bin Abdul Malek [Timbalan Ketua Polis Daerah Sandakan]

Supt. Nor Azizulkifli bin Mansor [Timbalan Ketua Polis Daerah Tawau]

Supt. Baharin bin Md. Tahir [Ketua Polis Daerah Kunak]

Supt. Muhamad Farid bin Ahmad [Ketua Polis Daerah Labuan]

Polis Diraja Malaysia Bahagian B – Pembentang 2

Insp. Sylvia Martin Dalog [Insp D5 JSJ]

samb/-

PEMBENTANG**Polis Diraja Malaysia PRRPD – Pembentang 3**

Sub. Insp. Pajar Ali bin Rosman [Pengerusi PRRPD IPK Sabah]

Persatuan Pegawai Kanan Polis Pencen Malaysia (RESPA) – Pembentang 4

Tuan Haji Kasim Salleh [Setiausaha State Liaison Committee RESPA Sabah]

Pertubuhan Pasokmomogun Kadazandusun Murut Bersatu (UPKO) – Pembentang 5

Encik Nelson W. Angang [Secretary General]

Parti Maju Sabah (SAPP) – Pembentang 6

Datuk Richard Yong We Kong [Deputy President]

Majlis Profesor Negara (MPN) – Pembentang 7

Profesor Datuk Dr. Raduan Che Rose [Presiden dan CEO MPN]

Dato' Profesor Dr. Hamdan Adnan [Bekas Suruhanjaya SUHAKAM]

Individu – Pembentang 8

Encik Kong Yun Chee @ Jashua Kong

Puan Chin Saw Yin @ Mary

Individu – Pembentang 9

Dr. Sanen Marshall [Pensyarah UMS]

Individu – Pembentang 10

Shirly Ka [Taman Milek Phase 1, Residents Association]

PEMERHATI**Polis Diraja Malaysia (PDRM)**

CP Dato' Omar Haji Mammah [Pesuruhjaya Polis Sabah]

DCP Dato' Zaini bin Jass [Timbalan Pesuruhjaya Polis Negeri]

SACP Abu Samah bin Mohd Nor [Ketua Cawangan Khas Sabah]

SP Mohd Zaidi Abdullah [Ketua Polis Daerah Kota Belud]

SP Laila Haji Sagir

ASP Yahya @ John Woliat

DSP Niraidan Haji Maidin

DSP Hasan Majid

DSP Mohd Hariz

DSP Ainie Md Salleh

DSP Mohd Hamizi

DSP Al Malek Kaseh

DSP Wong Leong Meng

DSP Shahrudin Mat Husain

samb/-

PEMERHATI

ASP Syed Lot bin Syed Ab Rahman
Inspektor Bahrum bin Dining
Inspektor Zailan bin Abu Bakar
Sarjan Mejar Abdullah Abd Aziz
SP Man Ramli
SP Irwan
SP Hajah Kalsom Haji Idris
ASP Barnabas
ASP Tajuddin
ASP Siew Sisey
ASP Ahzam bin Hj Dahaman
ASP Razlan bin Abdul Razak
ASP Hartisyah binti Abduhu
ASP Lai Mei Leng
ASP Yusuh Mattais
ASP Ahmad Razali bin Shaari
ASP Aelzeah binti Lambun
Inspektor Mohd Huzaimi Abd Jaga
Inspektor Tay Swee Bon
Inspektor Jaivin Crikan
Inspektor Shahrom bin Ali Lempen
Sub-Inspektor Hussein
Sub-Inspektor Abd Razak bin Surin
Sarjan Mejar Mohd Hafizzuddin Augustin bin Abdullah
Sarjan Mejar Abdul Rauf
Tuan Mohamad Ridzuan bin Che Rus
Tuan Din bin Mohd Nor
Tuan Suffian bin Ahmad

Polis Diraja Malaysia IPK Sabah

ACP Abd Rahman bin Ishak
SP Azhari bin Zakaria
DSP Ramasamy Kuppan
DSP Leo Sojie
DSP Ravi Duraisamy
ASP Siti Noorlilah Latip
ASP Janere Salih
ASP Maadil Sapik
Tuan Nordin bin Nurmin
Tuan Sarinah Sait
DSP Wang Leong Meng
ASP Mathavan Muniandy
ASP Saiful Adli
Insp. Gregory Eyan
S/Insp. Abd Manaf bin Mustafa
S/Insp Bajok Saganate
SI. Fauzi Nik Abdullah
SI Dahlan Omar

samb/-

PEMERHATI

SM. Rosman Mohd Ali
SM. Baharuddin Ismail
Kpl/O Mohd Azamuddin
Sjn/D Mohd Fadzly Abdullah
Tuan Rizan Rosli
Tuan Ginun Subig
Tuan Abd. Kadir Ishak
Tuan Rendy John
Puan Roslina Johan
Tuan Mohd Sukry
Tuan Mohd Salleh Yahya
Tuan Muhamad Ashraff bin A. Rasud
Tuan lyda Ismail
Tuan Rozami Ahmad
Tuan Muhamad Shamsaini bin Hj Yaakub
Tuan Mohd Riduan bin Ismail
Tuan Ambrose Ak Libau
Tuan Mossawalizan Wasmuri
Tuan Joemiee bin Leggau (
Tuan Nik Hadrami Mat Hassan
Tuan Kamarudin Sulaiman
Tuan Arorzi Muzafik
Tuan Narison Unglu

Polis Diraja Malaysia Jabatan Siasatan Jenayah Berat (D9) IPK Sabah
Inspektor Wan Faizal Wan Mahzir

Polis Diraja Malaysia IPD Kota Kinabalu
SP George Abd Rahman
Puan Dayang Rouiah binti Hj Ag Tamin
Tuan Amir Akmal bin Ahmad Razali
Tuan Mohd Helmi bin Romahat@Abd Wahab

Polis Diraja Malaysia IPD Kudat
SP Mohd Firdaus Francis bin Abdullah
Sub-Inspektor Maitu Gindel

Polis Diraja Malaysia IPD Papar
DSP Bartholomew AK Kupid

Polis Diraja Malaysia IPD Kota Marudu
Tuan Abu Marwan Abd. Sali

samb/-

PEMERHATI**Polis Diraja Malaysia IPD Penampang**

Tuan Jumain Lanusu

Polis Diraja Malaysia IPD Semporna

ASP Majari bin Hj Awal Jari

Polis Diraja Malaysia IPD Tawau

Tuan Mohd Parlis bin Jaramam

Polis Diraja Malaysia IPD Tuaran

Tuan Jumali

Polis Diraja Malaysia IPD Beaufort

DSP Azmir bin Abd Razak

Polis Diraja Malaysia IPD Kinabatangan

ASP Mohammad Azman Abdul Wahab

Polis Diraja Malaysia IPD Beluran

ASP R Jas Awed bin Sidin

Polis Diraja Malaysia IPD Ranau

DSP Mohd Shahrul Datuk Hj Abdul Wahab

Polis Diraja Malaysia Sipitang OC

DSP Champin bin Pih

Sub-Inspektor Shahlan Amatius bin Abdullah

Pasukan Polis Marin W4

SP Abd Nasir bin Othman

ASP Abd Aziz bin Abu Hashim

Inspektor Arman bin Awang Asak

Inspektor Mohamad Hanif bin Samsudin

Inspektor Mafiah bin Litip

Inspektor Muhammad Afiq bin Adham

Sub-Inspektor Ardrianshah

samb/-

PEMERHATI**Polis Diraja Malaysia PULAPOL Kota Kinabalu**

Tuan Rahmah Salleh

Persatuan Pegawai Kanan Polis Pencen Malaysia (RESPA)

ACP (B) Hj Mashid Hamid

ASP (B) Hlow Ali Seah

Tuan Stanjan Singh Sandhli

Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik Sabah (JSPT IPK)

Inspektor Mohd Yusof Selamat

Bridged SRH Kota Kinabalu

Tuan Mat Ali Deris

Parti Maju Sabah (SAPP)

Encik Gee Tien Siong

Encik Noraizal Md. Nor

SUHAKAM

Encik Jasmih Slamet

Encik Jason Cheng

Pertubuhan Pasok Momogun Kadazandusun Murut Bersatu (UPKO)

Datuk Pangeran Lalung [Vice President]

Majlis Profesor Negara (MPN)

Dr. Muhammad Asri Mohd Ali [Research Manager MPN]

Encik Mohd Hariran Jusoh

Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (ESSCOM)

SI/D Ahmad Kassim Atan (ESSCOM)

Pemerhati (Awam)

Encik SM Muthu

Encik Jacky Leong [Peguam]

LAPORAN PROSIDING

SESI PENDENGARAN AWAM MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENIMBANG RANG UNDANG-UNDANG PARLIMEN KEEMPAT BELAS, PENGGAL KEDUA

Ahad, 10 November 2019

Bilik Perlis, Aras 2, Blok A
Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
Kota Kinabalu, Sabah

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.35 pagi

[Yang Berhormat Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh *mempengerusikan*
Mesyuarat]

Tuan Pengerusi: Selamat pagi kepada semua yang hadir. Yang Berbahagia Datuk Roosme binti Hamzah, Setiausaha Dewan Rakyat Malaysia dan juga kepada semua Ahli Jawatankuasa yang hadir bersama pagi ini dan ahli-ahli ex-officio yang juga turut hadir untuk semua sesi. Ini adalah sesi awam yang kami adakan oleh *Select Committee for Consideration of Bills* iaitu Jawatankuasa Untuk Menimbang Rang Undang-undang. Kali ini kita menimbang Rang Undang-undang Suruhanjaya Bebas Aduan Salah Laku Polis 2019 lebih dikenali sebagai dalam bahasa Inggeris sebagai IPCMC 2019.

Ini adalah sesi awam kami yang keempat di mana kami telah pun mengadakan sesi-sesi sebelum ini di Pulau Pinang, Kuching, Johor Bahru dan sekarang di Kota Kinabalu. Begitu juga kami telah mengadakan beberapa sesi di Kuala Lumpur juga di Bangunan Parlimen. Tujuan kami mengadakan sesi-sesi ini adalah untuk mendapat *feedback* dan maklumat daripada pihak-pihak yang mempunyai kepentingan ataupun *stakeholders* seperti tuan-tuan dan puan-puan dari pihak polis. Kami mahu dapat pandangan dan *feedback* daripada tuan-tuan dan puan-puan berkenaan dengan rang undang-undang ini.

Sebelum kita bermula, untuk makluman tuan-tuan dan puan-puan rang undang-undang ini ada dua bahagian iaitu rang undang-undang asal dan juga satu senarai pindaan yang telah pun diserahkan kepada kami untuk dimasukkan ke dalam rang undang-undang asal tersebut. Jadi, kesemua rang undang-undang itu dalam bentuk asal dan juga pindaan-pindaannya adalah terbuka untuk di bincang.

Kami mengalu-alukan pandangan-pandangan tuan-tuan dan puan-puan berkenaan dengan semua fasal di dalam rang undang-undang tersebut. *I think* apa yang penting untuk kita *appreciate* di sini adalah bahawa kita perlu – *select committee* ini perlu menyediakan satu laporan pada atau sebelum pada tahap ini secara rasminya 18 November iaitu minggu depan.

Jadi semua pandangan dan *feedback* yang kami akan bincang sekarang akan dirumuskan di dalam laporan tersebut bagi pertimbangan pihak kerajaan dan akan dibentangkan di Dewan Rakyat untuk dibahaskan untuk tindakan lanjut.

Jadi, kami berharap bahawa – saya bercadang bahawa kita memulakan perbincangan kita, akan mendengar pandangan-pandangan dulu dari semua pihak. Pada sesi sekarang kami mempunyai empat kumpulan dari pihak polis. Saya bercadang kita mendengar hujahan-hujahan tuan-tuan dan puan-puan satu persatu. Selepas itu kami akan mengadakan perbincangan macam sesi soal jawab, *question and answer session*. So, kami akan bermula dengan – kami mempunyai empat kumpulan daripada pihak polis. Pertamanya, PDRM Bahagian A, PDRM Bahagian B, PDRM PPRPD dan juga RESPA.

■1040

So, dari Kumpulan 1, ada sembilan penghujah, *is that correct?* Semua sembilan akan mengambil bahagian dan satu daripada kumpulan-kumpulan yang lain. Jadi, tanpa melengahkan masa, saya menjemput SAC Datuk Jauteh bin Dikun, Ketua Jabatan Siasatan Jenayah iaitu penghujah pertama daripada Kumpulan A. Silakan, Datuk.

Boleh tekan butang. Semua ini akan direkodkan dalam *Hansard*. Jadi, sila tekan butang dan perkenalkan diri bagi rekod.

SAC Datuk Jauteh bin Dikun [Ketua Jabatan Siasatan Jenayah, PDRM Bahagian A]: Okey, *Bismillahi Rahmani Rahim*. Saya, SAC Datuk Jauteh bin Dikun, Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Kontinjen Sabah mewakili sembilan ahli daripada Kontinjen Sabah. Dalam perbincangan kita pada pagi ini berkaitan Rang Undang-undang Suruhanjaya Bebas Aduan Salah Laku Polis. Jadi, saya berpendapat bahawa apa juga niat kerajaan untuk membentuk satu suruhanjaya bagi membentuk satu undang-undang adalah mempunyai tujuan yang baik, bukan saja kepada PDRM tetapi untuk rakyat Malaysia.

Walau bagaimanapun, kalau kita lihat kepada IPCMC atau rang undang-undang yang telah dirangka oleh IPCMC, kita mendapati bahawa pelaksanaan atau merangka undang-undang ini agak tergesa-gesa. Pihak PDRM tidak dilibatkan di dalam merangka undang-undang ini. Kedua adalah kita tidak tahu apa justifikasi rang undang-undang ini telah dibentuk sebab tidak dijelaskan dari mana sumbernya, dari mana kajiannya dan keperluan undang-undang ini dibentuk? Kita cuma mendengar bahawa rang undang-undang ini telah dibentuk akibat daripada aduan masyarakat tentang salah laku Polis Diraja Malaysia atau Anggota Polis Diraja Malaysia. Akan tetapi kita tidak dimaklumkan siapakah pengadu, siapakah yang membuat tohmahan dan apakah bentuk tohmahan berkenaan?

Adakah orang-orang yang membuat aduan ini, yang saya akan panggil sebagai responden adalah responden yang berwibawa. Seheinggakan satu rang undang-undang dibentuk untuk mengawal salah laku PDRM. Jadi, apabila kita tidak mengetahui kewibawaan

responden, kita risau satu ketika nanti apabila rang undang-undang ini diluluskan dan dijadikan sebagai satu undang-undang, ia tidak akan mengubati penyakit yang hendak diubati. Kita risau, seorang pesakit yang sakit kaki, luka kaki, hanya diberi ubat *Panadol*. Ini disebabkan tidak ada kajian.

Seharusnya, sebelum rang undang-undang ini dibuat, kita mencadangkan supaya dibuat kajian berdasarkan negeri, berdasarkan bangsa, berdasarkan agama dan berdasarkan status. Ini supaya kita dapat melihat apa sebenarnya salah laku yang dimaksudkan dalam PDRM. Akan tetapi tidak ada kajian *empirical*, tidak ada kajian secara hitam putih menyatakan bahawa ini, ini dan ini, salah laku PDRM. Jadi, bila keadaan seumpama ini dibuat dan bila isu ini ditimbulkan seperti ini, maka, satu persoalan kepada PDRM. Adakah salah laku dalam PDRM ini sudah terlalu teruk? Seinggakan perlu IPCMC ini dibentuk. Adakah lebih 200 tahun PDRM ini telah dibentuk, PDRM gagal melaksanakan tanggungjawab? Saya rasa PDRM dalam lebih 200 tahun telah berjaya melaksanakan tanggungjawab. Kita semua yang duduk di sini sekarang aman damai. Salah satu sebabnya, PDRM telah melaksanakan tanggungjawab dengan sempurna. Sedangkan seluruh dunia melihat Malaysia adalah sebuah negara seperti kaca. Bila-bila boleh pecah kerana kewujudan bangsa yang ramai dan kewujudan agama yang banyak.

Akan tetapi PDRM sebagai tunjang penguat kuasa undang-undang, berjaya menyokong dan mengekalkan keselamatan ini. Jadi, inilah salah satu persoalan di sini. Kenapa tidak dibuat satu kajian yang tepat? Kenapa tidak dibuat satu kajian yang menyeluruh? Libatkan PDRM. Kalau kita merawat pesakit, doktor tidak boleh buat kajian, buat rawatan dan buat ujian. Akan tetapi dia kena tanya pesakit. Apa sakit dia? Barulah doktor boleh merawat apa sakitnya. Jadi, inilah inti pati pandangan kami dalam Kontinjen Sabah berkaitan dengan IPCMC. *Detail*-nya kelak, rakan-rakan saya akan cuba memberikan kupasan kepada beberapa isu-isu yang ada dalam rang undang-undang ini yang kita lihat bahawa ia tidak relevan. Ia perlu diubahsuai.

Setelah kami mendengar hujah-hujah yang telah diberikan oleh rakan-rakan kami dan juga orang awam dalam tiga perjumpaan ataupun tiga pendengaran awam sebelum ini, maka kami Polis Kontinjen Sabah dengan ini sebulat suara menyokong penuh dari segi sudut perundangan hujah-hujah yang telah dikemukakan oleh Datuk Shaharudin Ali di Johor, pada 8 Oktober 2019.

Tuan Pengerusi: Datuk Shaharudin Ali?

SAC Datuk Jauteh bin Dikun: Datuk Shaharudin Ali.

Tuan Pengerusi: Peguam ya?

SAC Datuk Jauteh bin Dikun: Peguam Datuk Shaharudin Ali. Jadi Tuan Pengerusi, itulah luahan kami, itulah kehendak kami dan itulah harapan kami. Buatlah kajian secara menyeluruh dan buatlah kajian kepada semua lapisan masyarakat. Jangan kelak nanti,

responden yang kita gunakan itu, cuma lima peratus daripada kekuatan PDRM. Tidak sampai satu peratus daripada rakyat Malaysia. Ini akan memberikan satu kesan yang terlalu besar apabila kumpulan minoriti ini menggubal satu organisasi yang diduduki oleh sekumpulan manusia secara majoriti. Kita adalah negara demokrasi. Jangan kumpulan minoriti ini memanipulasi, mengeksploitasi dan mendominasi kumpulan majoriti.

Ini sebab kesannya kelak, kita adalah manusia, kita mempunyai perasaan, ada ketikanya kita akan hilang pertimbangan. Saya risau 136 ribu anggota PDRM ini pada satu ketika nanti apabila dilihat sebagai satu kumpulan manusia yang mempunyai salah laku yang teruk, dia akan *demoralize* dan pada ketika itu, tidak akan melaksanakan tanggungjawab dengan sempurna. Maka, ini akan memberikan satu kesan dan satu akibat yang amat besar kepada negara kita. Jadi Tuan Pengerusi dan barisan Jawatankuasa IPCMC, kami memohon pertimbangkan semula, lihat semula dan ubahsuai semula apa yang telah dirangka itu agar ia menjadi sesuatu yang boleh diterima oleh semua pihak. Itu sahaja hujahan saya Tuan Pengerusi.

■1050

Tuan Pengerusi: Terima kasih Datuk. Sekarang saya menjemput penghujah kedua iaitu SAC Zabidi Haji Md Zain Ketua Jabatan Pengurusan.

SAC Zabidi bin Haji Md. Zain [Ketua Jabatan Pengurusan, PDRM Bahagian A]: *Bismillahi Rahmani Rahim, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat pagi Tuan Pengerusi dan Ahli Jawatankuasa. Isu yang ingin saya bawa berkenaan dengan satu doktrin iaitu doktrin pengasingan kuasa di dalam siasatan oleh pihak Jawatankuasa Siasatan IPCMC.

Seperti yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan, pengasingan kuasa ini dilaksanakan oleh tiga badan utama iaitu eksekutif, perundangan dan juga kehakiman. Ia supaya diadakan suatu semakan dan imbalan ataupun *check and balance* di antara ketiga-tiga badan tersebut dan tidak adanya penyalahgunaan kuasa. Pemusatan kuasa mutlak di sesuatu pihak boleh menyebabkan salah laku yang teruk. Begitu juga dalam sesuatu penyiasatan yang dijalankan oleh pihak polis, kita menerima laporan, kita siasat, kes dijalankan oleh pihak polis. Siasatan kemudiannya kita rujuk kepada Peguam Negara dan diputuskan sama ada dituduh ataupun tidak. Akhirnya kes tersebut akan dituduh di mahkamah untuk didengari dan diputuskan hukuman oleh hakim yang bijaksana. Ini dengan jelas menunjukkan bahawa adanya semakan dan imbalan di dalam penyiasatan oleh pihak polis dan tiadanya pemusatan kuasa pada satu pihak sahaja iaitu pihak polis.

Manakala untuk IPCMC, sebarang aduan atau laporan akan diterima oleh pihak IPCMC, disiasat akan dijalankan oleh pihak IPCMC dan akhirnya hukuman pun akan dijatuhkan oleh pihak yang sama. Ini menunjukkan tidak adanya semakan dan imbalan dan pemusatan semua kuasa di satu pihak sahaja. Kuasa yang diberikan ini boleh disalahgunakan

secara mutlak dan pihak yang disiasat boleh dinafikan keadilan dan seterusnya boleh berlaku ketidakadilan terutama jika pihak yang menyiasat mempunyai kepentingan atau agendanya yang tersendiri di dalam sesuatu siasatan. Tindakan meletakkan ketiga-tiga kuasa ini di tangan satu pihak sahaja adalah tidak adil dan bertentangan dengan *natural justice*.

Itu sahaja Yang Berhormat isu yang ingin saya bawakan di sini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih. Sekarang saya menjemput penghujah ketiga iaitu ACP Tan Boon Seng dari Jabatan Siasatan Jenayah (Siasatan dan Perundangan). Silakan.

ACP Tan Boon Seng [Jabatan Siasatan Jenayah (Siasatan/Perundangan)]: Selamat pagi Tuan Pengerusi. Saya ACP Tan Boon Seng. Saya sekarang bertugas sebagai Timbalan Ketua Siasatan Jenayah (Siasatan dan Perundangan). Bukan perundangan ya, perundangan. Kontinjen Sabah.

Tuan Pengerusi: Faham.

ACP Tan Boon Seng: Isu yang saya akan timbulkan di sini adalah berkaitan dengan kandungan seksyen 24(1) iaitu berkaitan dengan aduan yang dibuat oleh mana-mana orang terhadap pasukan polis atau anggota pasukan polis hendaklah dibuat secara bertulis dan ditujukan kepada jawatankuasa aduan. Saya ingin membantah kepada kandungan seksyen ini kerana pertama, ia adalah terlalu ringkas dan tidak jelas. Ia hanya menyatakan aduan yang dibuat terhadap anggota pasukan polis hendaklah dibuat secara bertulis.

Kedua, saya difahamkan juga bahawa cadangan susulan telah dibuat untuk meminda seksyen 24(1) di mana dicadangkan supaya pengaduan boleh dibuat dengan cara lain juga iaitu sama ada melalui SMS, *WhatsApp*, e-mel, surat layang dan sebagainya pun boleh diterima. Di sini saya ingin cakap kenapa saya ingin membantah kepada kandungan seksyen 24(1) ini. Pertama, ia adalah tidak memadai, amat tidak memadai.

Saya juga ingin mencadangkan supaya perkara-perkara lain dimasukkan ke dalam seksyen ini supaya ia jelas dan semua orang faham. Antaranya adalah aduan hendaklah dibuat secara bertulis, hendaklah dibacakan kembali kepada pengadu dan ditandatangani olehnya setelah disahkan sebagai betul. Aduan berkenaan hendaklah dicatatkan di dalam buku laporan dan dicatatkan dengan lengkap tentang tarikh, masa aduan, identiti pengadu, dan alamat penuh pengadu. Identiti pencatat penerima aduan juga hendaklah dicatatkan di dalam buku aduan.

Mengapa perkara-perkara *detail* ini perlu dimasukkan di dalam akta ini? Ini adalah untuk memberi keadilan kepada anggota polis yang dituduh atas sesuatu kesalahan yang dikatakan telah dilakukan olehnya. Anggota polis yang dituduh perlu tahu siapa mangsa yang dikatakan telah dilakukan kesalahan olehnya, siapa pengadu, apa jenis kesalahan, tarikh, masa, dan tempat di mana kesalahan dikatakan dilakukan itu telah berlaku supaya anggota polis ini boleh menjawab, boleh menjelaskan tuduhan yang telah dikenakan ke atasnya.

Jika perkara-perkara di atas tidak dimasukkan, maka pasti pegawai dan anggota polis yang akan dijadikan sebagai mangsa dengan senang. Tambahan lagi pada masa kini dengan adanya teknologi maju sekarang, beribu-ribu tohmahan, aduan boleh dibuat melalui surat layang, melalui SMS, *WhatsApp* yang di-*viral*-kan melalui media elektronik. Dari pengalaman saya bekerja sebagai pegawai polis—sudah 37. Saya sudah menyiasat banyak kes, saya dapati bahawa semakin dedikasi pegawai polis berkenaan, semakin rajin dia bekerja, maka semakin banyaklah kejayaan yang akan dia buat untuk menyelesaikan siasatan. Dari itu, semakin ramai suspek ditangkap, dituduh, disabitkan di mahkamah, dihukum penjara, disebat, dikenakan perintah sekatan dan lain-lain hukuman. Semua ini akan menyebabkan Orang Kena Tuduh, rakan sejenayah, ahli keluarga serta orang-orang yang bersimpati dengannya marah dan dengan mudah menggunakan kelonggaran di bawah seksyen 24(1) ini untuk menganiaya pegawai-pegawai anggota polis yang dedikasi ini.

Tuan Pengerusi, perlu tahu apa akibat yang akan berlaku kepada pegawai polis yang dianiaya seperti ini. Walaupun selepas siasatan dijalankan, sebahagiannya mungkin disahkan tohmahan atau aduan itu betul, tetapi saya percaya daripada pengalaman saya, kebanyakan tohmahan ini adalah dibuat untuk menyusahkan. Ini kerana setiap kali laporan yang dibuat, apa yang berlaku adalah siasatan dibuka, pegawai polis ini akan dipanggil untuk memberi kenyataan.

Tuan Pengerusi, boleh bayangkan kalau seorang pegawai polis yang rajin ini, satu bulan 20-30 laporan dibuat terhadap dia dan berpuluh-puluh IP dibuka. Tiap-tiap hari ada di pejabat suruhanjaya untuk beri kenyataan. Apa akan jadi kepada moral dia dan apa akan jadi kepada kerjayanya? Setiap IP yang dibuka kemungkinan dia akan ditahan kerja selepas dituduh ataupun tidak ataupun ulasan untuk kenaikan pangkat dan sebagainya, pergerakan gaji. Bertahun-tahun dia tak akan dinaikkan pangkat. Perkara yang sama berlaku kepada saya sebelum ini.

Seterusnya saya ingin menyatakan bahawa jika pindaan dibuat kepada seksyen 24 ini yang membenarkan aduan dibuat secara melalui selain daripada bertulis dan bertandatangani, iaitu dibuat melalui *Facebook*, *WeChat*, *WhatsApp* dan sebagainya, ia akan menambah parah lagi kesukaran, ketidakadilan yang berlaku kepada pegawai dan anggota polis yang dituduh. Pengadu yang membuat laporan hendaklah berani memperkenalkan dirinya, menandatangani aduan yang dibuat olehnya. Jika aduan dibuat olehnya adalah benar dan jujur, dia tidak perlu takut. Dia tidak perlu buang batu, sembunyi tangan. Dia perlu bersedia menerima risiko jika laporan dibuat adalah palsu dan di dalam rang undang-undang ini perlu dinyatakan juga apa hukuman, apa tindakan, apa akibat terhadap pengadu yang membuat laporan palsu walaupun ada seksyen di dalam Kanun Keseksaan, tetapi kesalahan ini perlu dimasukkan di dalam akta ini.

Sebagai tambahan, jika identiti pengadu tidak diketahui, bagaimana pegawai suruhanjaya dapat mengesan dan mendapatkan keterangan daripada pengadu. Merujuk kepada seksyen 28(3) bil ini iaitu berkaitan dengan pemakluman kepada pengadu. Jika nama, alamat pengadu tidak didapati, tidak diperolehi daripada peringkat awal, bagaimana pihak suruhanjaya ingin memaklumkan kepada pengadu tentang keputusan siasatan yang telah dijalankan.

■1100

Bagi pihak kami sendiri kalau mengikut CPC sekarang, tindakan kami adalah kita akan memaklumkan sama ada melalui pemberitahuan satu, pemberitahuan dua, pemberitahuan tiga dan pemberitahuan empat berkaitan dengan program siasatan, keputusan siasatan, hukuman ataupun apa yang terjadi pada akhirnya terhadap kes yang disiasat. Di samping itu, dengan ditunjukkan identiti pengadu ini ianya adalah memberi peluang kepada pegawai polis yang dituduh untuk mendapatkan keadilan di mana ia mungkin ada remedi untuk dia untuk membuat tuntutan sivil dan sebagainya terhadap pengadu yang membuat laporan palsu.

Saya mencadangkan peruntukan di bawah seksyen 107(1) diterima pakai dan dimasukkan di dalam akta ini di mana seksyen 107 ini ada menjelaskan proses di mana laporan polis dibuat. Apa yang perlu dibuat oleh pengadu dia kena memperkenalkan diri dia, laporan dibacakan kembali kepada dia dan ditandatangani olehnya. Kita perlu tahu bahawa KPJ ataupun CPC ini adalah satu akta yang lama yang diterima pakai daripada Kerajaan British dulu hingga ke India dan dibawa masuk ke Malaysia dan telah dipinda beberapa kali dan satu akta yang cukup bagus untuk keadilan kepada semua iaitu kepada mangsa, pengadu ataupun juga kepada orang yang dituduh.

Di samping itu, saya bagi contoh juga Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah. Di situ dinyatakan juga keperluan pengadu membuat laporan bertulis serta tandatangan laporan yang dibuat. Walaupun satu akta ini berkaitan dengan satu siasatan yang sulit tetapi ada dinyatakan dengan terperinci di dalam akta yang berkenaan. Jadi, untuk yang sama akta yang kita bincangkan sekarang ini pun saya cadangkan perkara yang sama dimasukkan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih. Sekarang penghujah keempat ACP Abdul Rahman bin Kassim dari Jabatan Siasatan Jenayah (Risik/Operasi).

ACP Abdul Rahman bin Kassim [Jabatan Siasatan Jenayah (Risik/Operasi)]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ACP Abdul Rahman bin Kassim, Timbalan Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Risikan dan Operasi. Satu isu yang hendak saya bawa di sini dan saya menggunakan perkataan menuntut iaitu seksyen 6(1). Dalam seksyen 6(1) menyatakan Yang di-Pertuan Agong hendaklah atas nasihat Perdana Menteri melantik tidak lebih daripada sepuluh anggota Suruhanjaya yang daripadanya hendaklah ada seorang Pengerusi dan

seorang Timbalan Pengerusi bagi apa-apa tempoh dan atas apa-apa terma yang dinyatakan dalam surat cara pelantikan.

Di sini saya menuntut seksyen 6(1) ini ditambah seorang Pengerusi dan seorang Timbalan Pengerusi diperbaiki seorang pegawai yang dilantik oleh Ketua Polis Negara dimasukkan ke dalam seksyen 6(1) yang membawa maksud bahawa Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melantik tidak lebih daripada sepuluh orang anggota suruhanjaya yang daripadanya hendaklah ada seorang Pengerusi, seorang Timbalan Pengerusi dan seorang pegawai yang dilantik oleh Ketua Polis Negara.

Saya menuntut seksyen 6(2) yang menyatakan tiada seorang pun boleh dilantik sebagai seorang anggota suruhanjaya jika dia ialah atau pernah menjadi seorang anggota pasukan polis atau dia ialah seorang anggota perkhidmatan awam – saya menuntut seksyen 6(2) dikeluarkan daripada bil rang undang-undang ini. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Baik. Terima kasih dan sekarang giliran penghujah kelima iaitu Supt. Dzulbaharin bin Hj. Ismail selaku Ketua Polis Daerah Kinabatangan.

Supt. Dzulbaharin bin Hj. Ismail [Ketua Polis Daerah Kinabatangan]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera Tuan Pengerusi. Saya Superintenden Dzulbaharin bin Hj. Ismail selaku Ketua Polis Daerah Kinabatangan, Sabah.

Dalam hal ini saya memerlukan satu penjelasan lanjut atau pengenalan lanjut tentang seksyen 32. Dalam seksyen 32 iaitu berkaitan prosedur untuk menangani salah laku, dalam hal ini telah ada satu pindaan di bawah seksyen 32(1) menyatakan salah laku dipinda kepada salah laku kecil. Akan tetapi dalam hujah ini kriteria yang dimasukkan salah laku kecil tidak diperincikan apa yang dimaksudkan salah laku kecil tersebut.

Dalam masa yang sama juga dalam seksyen 32(3) di mana Lembaga Tatatertib hendaklah menyelesaikan prosiding menangani salah laku dengan yang paling sesuai bagi penyelesaian yang adil dan cepat. Dalam hal ini adil dan cepat adakah bermaksud sebulan, enam bulan atau dua tahun. Dalam tempoh siasatan yang dimaksudkan tadi adil dan cepat tersebut kalau dua tahun apalah nasibnya kepada pegawai yang telah disiasat tersebut. Tidak boleh naik pangkat, tidak ada bonus dan sebagainya. Perlulah diperincikan lagi.

Dalam masa yang sama juga seksyen 32(3) juga ada menyatakan Lembaga Tatatertib hendaklah menyelesaikan prosiding untuk menyelesaikan prosiding salah laku dengan cara sebagaimana yang Suruhanjaya berpendapat paling sesuai. Dalam undang-undang perkataan "*berpendapat*" itu adalah satu benda persepsi subjektif. Sesiapa boleh membuat pendapat. Jadi ini perlulah diperjelaskan apa yang dimaksudkan berpendapat itu.

Jadi, saya harap rang undang-undang ini perlulah dikaji, diperincikan balik dan diubahsuai untuk kepentingan bersama. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih. Sekarang saya menjemput Superintenden Abdul Fuad bin Abdul Malek selaku Timbalan Ketua Polis Daerah Sandakan.

Supt. Abdul Fuad bin Abdul Malek [Timbalan Ketua Polis Daerah Sandakan]: *Bismillahi Rahmani Rahim*. Selamat pagi. Salam sejahtera Tuan Pengerusi dan ahli panel yang lain. Di sini, di dalam rang undang-undang yang dibincangkan saya suka mengambil di bawah seksyen 29 dan juga seksyen 47 yang mana jika kita lihat *under* seksyen 29 *establishment of task force* dan juga yang mana seksyen 29 ini adalah berkaitan seksyen 47 yang mana ianya melibatkan kes-kes cedera parah dan juga kematian di dalam lokap.

Kalau kita lihat kes-kes kematian dalam lokap ataupun cedera parah, itu adalah kes-kes jenayah yang mana ia adalah tidak konsisten dengan *preamble* sebelum ini yang mana berkaitan dengan aduan salah laku, berkaitan dengan siasatan salah laku dan juga prosedur untuk menangani salah laku. *If we are talking about* jenayah, okey kita tengok kes-kes kematian dalam lokap kita ada *inquest*, kita ada *coroner*. Apa yang saya maksudkan di sini adalah *let the coroner decide*, apakah keputusan sama ada *foul play* ataupun tidak, *then* kita akan siasat di bawah sama ada Kanun Keseksaan atau lain-lain.

So, saya lihat di bawah seksyen 29 dan juga seksyen 47, IPCMC rang undang-undang ini ada menyebut pihak polis hendaklah merujuk – so saya berpendapat agar perkara tersebut di bawah seksyen 29 dan seksyen 47 dikaji semula sebagaimana sedia maklum dan sebagaimana saya katakan sebelum tadi kita ada prosedur jenayah, kita ada *inquest* dan kita ada siasatan untuk dijalankan ke atas mana-mana kesalahan jenayah yang dilakukan di sini. So, itu sahaja daripada saya, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih. Sekarang saya menjemput Superintenden Nor Azizulkifli bin Mansor selaku Timbalan Ketua Polis Daerah Tawau.

Supt. Nor Azizulkifli bin Mansor [Timbalan Ketua Polis Daerah Tawau]: *Bismillahi Rahmani Rahim*. Selamat pagi Tuan Pengerusi dan ahli barisan. Saya Superintenden Nor Azizulkifli bin Haji Mansor selaku Timbalan Ketua Polis Daerah Tawau.

Tuan Pengerusi, di pagi ini saya ingin membangkitkan berkenaan dengan seksyen 22 iaitu skop salah laku.

■1110

Saya terus pergi kepada subseksyen (1)(c), (d) dan (e). Ini di mana subseksyen (1)(c), mengatakan antara skop salah laku ialah, “*Apa-apa tindakan yang diambil atau tidak diambil yang tidak munasabah, tidak adil, menindas atau berdiskriminasi secara tidak wajar*”, manakala subseksyen (d) mengatakan, “*Apa-apa tindakan yang diambil atau tidak diambil atas motif yang tidak wajar, alasan yang tidak berkaitan atau pertimbangan yang tidak berkaitan*”. Manakala subseksyen (e) mengatakan, “*Kegagalan untuk menyediakan alasan dalam hal yang alasan yang perlu disediakan*’. Semua ini merangkumi ataupun terlibat dalam skop salah laku yang dimaksudkan di dalam seksyen 22.

Di sini, saya ingin membangkitkan bahawa, subseksyen (c), (d) dan (e) ini, terlalu *wide, too wide*. Terlalu luas, *too wide*. Ia akan membangkitkan ketidaktentuan dan keresahan kepada pihak polis. Ini kerana, ia terlalu luas dan memberi satu kesan yang besar dan beban yang berat kepada PDRM untuk *comply* apa yang dimasukkan di dalam subseksyen (c), (d) dan (e). Sedangkan, lain-lain agensi penguat kuasa, saya boleh katakan mereka mungkin akan ketawa kepada pihak polis. Ini di mana pada masa yang sama perlu *comply* subseksyen (c), (d) dan (e) ini.

Dalam masa yang sama juga, ketidaktentuan ini akan memberikan peluang kepada mana-mana pihak untuk sewenang-wenangnya memberi ataupun mengadakan tohmahan kepada PDRM. Apa yang saya bangkitkan ini, ketidaktentuan ini akan mewujudkan satu lagi salah laku. Ini disebabkan kita dalam keadaan terbeban, akan mewujudkan satu lagi salah laku, *new misconduct*. So, apa yang saya mohon di sini adalah skop salah laku ini mestilah spesifik. Spesifik kepada SOP, yang melanggar SOP, yang melanggar *return law* ataupun melanggar *regulation*. Ini maknanya ia spesifik kepada perkara-perkara yang saya nyatakan tadi. So, saya minta di sini, para (c), (d) dan (e) digugurkan di dalam *Bill IPCMC* ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih. Sekarang saya jemput Superintenden Baharin bin Md. Tahir iaitu Ketua Polis Daerah Kunak.

Supt. Baharin bin Md. Tahir [Ketua Polis Daerah Kunak]: Selamat pagi Tuan Pengerusi, Datuk-datuk dan tuan-tuan. Saya Superintenden Baharin bin Md. Tahir, Ketua Polis Daerah Kunak. Sebelum saya bangkitkan isu seksyen perkara 4, terlebih dahulu Tuan Pengerusi, untuk makluman Tuan Pengerusi dan semua, kita adalah pegawai polis yang bekerja 24 jam. Dengan izin, kami bertugas *blank color* Tuan Pengerusi, setiap kali *shuffle*. Kalau dulu, kita menjaga keselamatan pemimpin-pemimpin dahulu, sekarang kita menjaga pemimpin parti pemerintah sekarang. Tanpa mengira siapa dan tanpa mengira keselamatan diri, yang penting adalah keselamatan pihak Tuan Pengerusi, tuan-tuan. Macam itu Tuan Pengerusi. Kalau dulu kita dianggap mungkin anak tiri. Akan tetapi, sekarang kita sudah menjadi anak yang berdaftar Tuan Pengerusi. Jadi, saya harap luahan ataupun permintaan daripada anak-anak supaya dapat didengar dengan lebih teliti dan dengan lebih rasa sifat penyayang, Tuan Pengerusi.

Kita terus kepada perkara 4 iaitu fungsi suruhanjaya iaitu di mana Tuan Pengerusi, saya mencadangkan dan meminta supaya (a), "*Untuk menggalakkan integriti dalam kalangan pasukan polis*"; (b), "*Untuk melindungi kepentingan orang awam melalui pencegahan dan penanganan salah laku mana-mana anggota pasukan polis*", itu dikekalkan. Untuk (a) itu, kita minta dikeluarkan Tuan Pengerusi.

(c), "*Untuk membentuk dan mengadakan mekanisme bagi mengesan, menyiasat dan mencegah salah laku oleh mana-mana anggota pasukan polis*", juga dikeluarkan. (d), "*Untuk*

menasihati kerajaan dan membuat syor berhubung dengan langkah-langkah sesuai untuk diambil dalam menggalakkan integriti dalam kalangan anggota pasukan polis”; dan (e), “Untuk menjalankan kawalan tata tertib terhadap semua anggota pasukan polis mengikut apa-apa cara yang diperuntukkan dalam akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis”.

Di situ Tuan Pengerusi, daripada tajuk kita adalah aduan salah laku. Cadangan saya, kita jurus kepada aduan salah laku. Sebab apa? Ini yang saya cadangkan supaya dikeluarkan ini adalah kerana ia, dengan izin, *redundant* ataupun bertindih dengan kuasa-kuasa SPP, yang mana SPP juga mempunyai kuasa yang sama. Jadi, terlampau banyak badan-badan yang mengendalikan tentang urusan polis ini, saya rasa macam berlaku kekeliruan. Banyak cabang yang terlibat dengan salah laku anggota ataupun pegawai polis. Itu Tuan Pengerusi daripada saya. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih. Sekarang menjemput penghujah yang terakhir daripada Bahagian A iaitu Superintenden Muhamad Farid bin Ahmad, Ketua Polis Daerah Labuan.

Supt. Muhamad Farid bin Ahmad [Ketua Polis Daerah Labuan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin membawa sedikit Ahli-ahli Jawatankuasa berkenaan dengan *oversight body* iaitu di mana di UK, mereka mempunyai *Independent Office for Police Conduct (IOPC)* and di Hong Kong, mereka mempunyai *Independent Police Complaints Commission (IPCC)* di mana bagi IPCC ini, fungsinya adalah untuk memerhati, mengawal dan mengkaji cara penyiasatan yang dijalankan oleh pihak polis. Seterusnya, adalah untuk membuat cadangan.

Jadi, bagi pendapat saya, adalah lebih baik IPCMC ini adalah mengambil contoh IOPC dan IPCC seperti mana IOPC ini yang dibuat di UK ini, salah satu negara maju. Mereka mampu melaksanakan *oversight body* yang begitu profesional. IOPC ini bukan sahaja mengambil kes-kes yang melibatkan polis tetapi agensi-agensi penguat kuasa yang lain pun, mereka juga mengambil kes tersebut. Sebagai contoh saya bagi, sebagai agensi kastam. Mereka juga –walaupun namanya *Independent Office for Police Conduct* tetapi agensi-agensi lain juga turut mereka pantau.

Jadi, pandangan saya, pendekatan yang sama seharusnya diambil bagi melindungi integriti dan juga semangat pegawai dan anggota PDRM . Itu saja Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih kepada PDRM Bahagian A. Sekarang saya menjemput penghujah daripada PDRM Bahagian B iaitu Inspektor Sylvia Martin Dalog iaitu Inspektor D5, Jabatan Siasatan Jenayah. Silakan.

Insp. Sylvia Martin Dalog [Cawangan D5, Jabatan Siasatan Jenayah, Kontinjen Sabah]: Salam sejahtera, salam damai Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli Jawatankuasa. Sebelum itu, saya Inspektor Sylvia Martin Dalog yang bertugas di Cawangan D5, Jabatan Siasatan Jenayah Kontinjen Sabah. Untuk makluman Tuan Pengerusi dan Ahli Jawatankuasa,

walaupun saya baru sahaja 13 tahun berkhidmat dalam pasukan Polis Diraja Malaysia. Namun, saya sanga berbangga menjadi seorang pegawai dan anggota polis. Pengalaman saya menjadi pegawai penyiasat selama lapan tahun iaitu selama lima tahun di Johor Bahru Selatan dan tiga tahun di IPD Kota Kinabalu mengajar saya banyak erti tentang penyiasatan ini.

Banyak juga kes yang telah berjaya diselesaikan dan jatuh hukum di mahkamah. Untuk makluman Tuan Pengerusi dan Ahli Jawatankuasa yang ada, tugas saya di Cawangan D5 ini, salah satunya adalah menyiasat ataupun melihat kertas-kertas siasatan. Salah satunya adalah kertas-kertas siasatan yang melibatkan pegawai dan anggota polis. Bukan sahaja salah laku dari segi tatatertib tetapi juga kesalahan jenayah. Setahu saya, pihak PDRM tidak pernah memihak kepada mana-mana pegawai serta anggota polis yang melakukan salah laku tatatertib dan juga jenayah. Ramai sudah yang telah dibuang kerja.

■1120

Jadi, itu adalah penegasan saya bahawa saya akan tetap *stick* dengan Pasukan Polis Diraja Malaysia. Seterusnya, hujah saya kali ini adalah berkenaan dengan seksyen 26 dalam Rang Undang-undang Suruhanjaya Bebas Aduan Salah Laku Polis 2019 (IPCMC). Tuan Pengerusi, izinkan saya untuk membaca apakah yang terkandung dalam seksyen ini. Adalah lebih baik untuk melihat dan mendengar sekali apa yang dinyatakan dalam seksyen ini.

[*Membaca Akta*]

Kuasa untuk memeriksa orang

26. (1) Seseorang pegawai Suruhanjaya boleh, dalam menjalankan penyiasatan di bawah Akta ini, melalui notis bertulis—

(a) memerintahkan mana-mana anggota pasukan polis atau mana-mana pegawai badan awam atau mana-mana orang untuk hadir di hadapannya bagi maksud diperiksa secara lisan berhubung dengan apa-apa perkara yang mungkin dapat, pada pendapatnya, membantu dalam penyiasatan itu; atau

(b) memerintahkan mana-mana anggota pasukan polis atau mana-mana pegawai badan awam atau mana-mana orang supaya memberikan pernyataan bertulis yang dibuat dengan bersumpah atau berikrar yang menyatakan dalamnya segala maklumat yang dikehendaki di bawah notis itu, iaitu maklumat yang, pada pendapat pegawai Suruhanjaya itu, akan dapat membantu dalam penyiasatan itu, dalam tempoh yang dinyatakan oleh pegawai Suruhanjaya itu.

(2) Seseorang yang telah diberikan suatu notis bertulis di bawah perenggan (1)(a) hendaklah—

(a) hadir mengikut terma notis itu untuk diperiksa, dan hendaklah terus hadir dari hari ke hari jika diarahkan sedemikian sehingga pemeriksaan itu selesai; dan

(b) semasa pemeriksaan itu, menzahirkan semua maklumat yang diketahuinya, atau yang tersedia untuknya, berkenaan dengan perkara yang berhubungan dengannya dia diperiksa, dan menjawab dengan benar dan setakat yang dia tahu dan percaya adalah benar.

(3) Seseorang pegawai Suruhanjaya yang memeriksa seseorang di bawah perenggan (1)(a) hendaklah merekodkan secara bertulis apa-apa pernyataan yang dibuat oleh orang itu dan pernyataan yang direkodkan sedemikian hendaklah dibacakan kepada dan ditandatangani oleh orang itu, dan jika orang itu enggan menandatangani rekod itu, pegawai itu hendaklah mencatatkan pada rekod itu yang rekod itu ditandatangani oleh pegawai itu hakikat keengganan itu dan sebab-sebabnya, jika ada, yang dinyatakan oleh orang yang diperiksa itu.

Dan, part yang paling menarik di sini yang saya ingin tegaskan adalah;
[Membaca Akta]

(4) Mana-mana orang yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Sangat tragis bagi saya. Tuan Pengerusi, hujah saya ada tiga isu yang saya ingin sampaikan di sini. Pertama adalah berkenaan seksyen 26(1)(b), fasal memberikan maklumat. Jika dikaji lagi, ia seolah-olah memaksa pegawai atau anggota polis atau sesiapa juga untuk memberikan segala maklumat dengan cara memberikan keterangan lisan atau menyerahkan dokumen. Bagaimana sekiranya maklumat tersebut sulit? Adakah Suruhanjaya ini mempunyai akses kepada maklumat-maklumat atau dokumen-dokumen polis yang dikategorikan sebagai terperingkat. "Terperingkat" yang dimaksudkan ini adalah rahsia besar, rahsia sulit dan terhad.

Kehendak seksyen ini juga sangat *power*, memang sangat *power* sehingga seseorang itu dalam bahasa halusnyanya seolah-olah dipaksa dan tiada pilihan lain dan wajib untuk memberikan maklumat. Sedangkan— saya ingin merujuk kepada seksyen 112, Kanun Prosedur Jenayah yang mana ada *caution* diberikan iaitu percakapan beramaran diberikan terlebih dahulu kepada seseorang saksi sebelum memberikan keterangan kepada pihak polis. Yang mana dinyatakan di sini; "*Orang itu hendaklah menjawab semua soalan yang dikemukakan kepadanya dengan syarat saksi itu hendaklah menolak daripada menjawab jika jawapan itu akan menyebabkan ia disabitkan kepada suatu tuduhan jenayah atau penalti atau perlucuthakkan*". Perkara ini dinyatakan dalam seksyen 112(2), Kanun Prosedur Jenayah,

manakala dalam seksyen 26 ini, tiada *caution*. Jadi, mahu tidak mahu, seseorang itu terpaksa kena bercakap.

Okey, isu yang kedua di sini adalah berkenaan dengan notis. Seperti mana yang dinyatakan dalam seksyen 26(2) (a) dan (b) dalam Akta IPCMC ini. Tuan Pengerusi, mohon dijelaskan berkenaan dengan notis ini. Siapakah yang akan mengeluarkan notis ini? Adakah melalui mahkamah ataupun Suruhanjaya ini yang terus mengeluarkan notis tersebut? Adakah ditetapkan tempoh masa pemberian notis ini? Perlu dinyatakan secara lebih terperinci. Bagaimanakah ia disampaikan? Adakah melalui serahan tangan atau e-mel, melalui orang ketiga, pos atau sebagainya lagi? Bagaimana serahan ini diberikan? Perlu ada justifikasi ia yang tersendiri. Sebagai contoh, serahan tangan. Serahan tangan itu perlulah diberikan kepada pegawai atau anggota yang terlibat dan jangan berikan kepada orang-orang lain atau pihak yang lain. Oleh sebab ini akan menyukarkan kepada pegawai atau anggota itu sendiri sebab ini akan berlakunya pegawai dan anggota itu tidak tahu pun tentang penyerahan notis berkenaan.

Okey, isu yang ketiga adalah berkenaan dengan hukuman. Hukuman yang dinyatakan di dalam seksyen ini adalah tidak adil dan tidak wajar kepada pegawai dan juga anggota polis, Tuan Pengerusi. Siasatan terhadap salah laku pun belum selesai tapi sudah dinyatakan hukuman-hukuman dalam seksyen ini. Jadi, ia akan menambahkan lagi ketakutan, *demoralize* dan macam-macam perasaan lagi yang akan wujud dalam diri seseorang itu, Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli Jawatankuasa yang lain. Okey, itu sahaja hujah saya. Seterusnya, cadangan. Suruhanjaya ini perlu mewujudkan satu mekanisme yang jelas, terang dan jelas. Tiada lagi bersuluh-suluh, memang jelas terus. Menjelaskan secara terperinci tanpa sebarang keraguan ataupun rasa waswas ke atas isu-isu yang telah saya nyatakan sebentar tadi. Sekian, terima kasih Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli Jawatankuasa.

Tuan Pengerusi: Terima kasih. Sekarang saya menjemput pembentang ketiga iaitu dari PDRM PRRPD Sub Inspektor Pajar Ali bin Rosman.

SI Pajar Ali bin Rosman [Pengerusi PRRPD IPK Sabah]: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salam sejahtera dan selamat pagi Tuan Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas untuk Menimbang Rang Undang-undang IPCMC 2019, Ahli Jawatankuasa semua, tuan-tuan, hadirin-hadirat dihormati sekalian. Saya Sub Inspektor Pajar Ali bin Rosman dari IPK Sabah. Saya adalah Pengerusi Persatuan Pegawai Rendah Polis (PPRPD) bagi Kontinjen Sabah. Di majlis ini saya mohon untuk mungkin saya akan bercakap lebih panjang sedikit. Oleh kerana apa, saya mewakili satu jumlah yang besar. Kalau dari sudut satu Malaysia, saya mewakili lebih kurang 110,000 *personel* pegawai rendah polis di Malaysia. Di Sabah ini sahaja ada lebih kurang 10,000 orang pegawai rendah polis yang bertugas di seluruh Kontinjen Sabah dalam semua cawangan, bahagian dan sebagainya.

Sebelum saya menyentuh kepada IPCMC ini, izinkan saya untuk menyampaikan beberapa perkara dan fakta penting yang sangat berkait rapat dengan hasrat penubuhan IPCMC ini. Perkara-perkara ini memang setelah diteliti, setelah mengambil kira pandangan-pandangan dan pendapat-pendapat serta aspirasi seluruh warga pegawai rendah polis, terutama yang bertugas di negeri Sabah. Saya ada pantun dulu, mohon izin kalau boleh di majlis ini, fasal pegawai-pegawai saya dari tadi tiada pantun, jadi saya indahkan sedikit dengan pantun lah.

■1130

Select committee datang Sabah,

IPCMC dalam perjalanan,

Apa yang kami cakap di sini semuanya munasabah,

Mohonlah didengar, tolong jangan abaikan.

Terima kasih. Kita di PDRM Kontinjen Sabah ini kita ada 20 daerah, 20 IPD termasuk Wilayah Persekutuan Labuan. Di bawah IPD-IPD ini kita ada 65 balai polis dan 63 pondok polis. Kemudian ada Briged Sabah dan sebagainya. Sabah kalau kita pandang adalah negeri yang kedua terbesar di seluruh Malaysia selepas Sarawak. Bentuk muka bumi memang kita faham kita ada gunung yang tertinggi di Asia Tenggara iaitu Gunung Kinabalu, kawasan bergunung-ganang dan berbukit bukau. Lebih dua pertiga kawasan kita berhadapan dengan Laut China Selatan dan Laut Sulu dan kita bersempadan pula dengan negara Indonesia dan Filipina. Keadaan bumi yang luas ini akan menyebabkan terdapat kelompok-kelompok populasi penduduk di Sabah yang jauh duduk di pedalaman ataupun di pinggiran laut. Jauh dari bandar dan jauh daripada kemudahan asas. Demi menjaga keselamatan dan ketenteraman, polis wujud di tempat-tempat ini.

Walaupun dari sudut keseluruhan pembangunan Sabah mungkin tidak begitu jauh berbanding dengan negeri-negeri lain di Semenanjung, di kawasan-kawasan yang disebutkan di kawasan pedalaman ini, anggota-anggota kami terpaksa bertugas dalam keadaan yang serba kekurangan. Saya ingin beri beberapa contoh, Balai Polis Terusan Sugut, Beluran. Prasarana yang ada di sana bangunan pejabat dan kediaman dibina sejak awal tahun 70-an lagi kini berusia hampir 50 tahun. Bangunan dibuat daripada kayu. Ahli-ahli Yang Berhormat, Datuk, Dato' dan tuan-tuan faham juga kalau kayu ini mungkin dalam masa 20 tahun, sebahagian sudah reput dah. Ini dah hampir ke 50 tahun. Uzur sangat.

Kemudian, di sana tiada kemudahan asas, air. Terpaksa tadah air hujan untuk kegunaan makan dan minum. Ambil air di telaga, guna untuk mandi dan sebagainya. Bekalan elektrik guna generator. Perhubungan telefon kita faham sahajalah tempat itu jauh, serba kekurangan. Kalau hendak pergi Balai Polis Terusan Sugut ini, kedudukan Terusan Sugut ini di sebuah pulau yang duduk di muara sebuah sungai di kawasan Beluran. Daripada IPD Beluran, daripada pekan Beluran dan daripada bandar Beluran kalau hendak ke Balai Polis

Terusan Sugut ada dua jalan. Satu, melalui jalan darat dan air. Satu, melalui jalan air. Jalan darat dan air itu tadi akan melalui masa lebih kurang setengah hari, enam jam baru boleh sampai. Kemudian kalau melalui jalan air, bot polis marin yang laju pun akan memakan masa lebih kurang dalam tiga jam hingga empat jam pengikut keadaan cuaca. Begitu keadaan di sana.

Di Sabah kita juga ada balai-balai polis yang di bangun daripada kontena, daripada kabin— bahasa sebut sedap kabin tetapi saya ingin menggunakan perkataan kontena. Ini kerana keadaannya yang sangat uzur. Kontena ini bukan macam kontena yang kita nampak di atas lori kontena yang selalu dibawa itu, itu tebal-tebal. Ini kontena-kontena nipis sahaja. Tiga tahun sudah mula reput. Keadaan sangat teruk. Contoh di Balai Polis Tambisan menggunakan air telaga juga. Air telaga di sana pernah saya melawat di tempat itu di sana juga kalau ada binatang seperti lembu atau kerbau di kawasan itu yang berak dan kencing di kawasan berdekatan dengan telaga, apabila hujan, air tersebut akan masuk ke dalam telaga tersebut. Daripada telaga itulah di pam dan digunakan untuk membersihkan, untuk mencuci baju dan sebagainya. Untuk makan dan minum, mereka terpaksa beli air mineral ataupun air minuman. Itu beberapa kawasan.

Kami sebenarnya— pekerja-pekerja kerajaan ini termasuk kami Polis Diraja Malaysia, kita perlukan perumahan yang kondusif, lengkap dan baik untuk jadikan tempat tinggal. Akan tetapi hakikatnya perumahan yang disediakan tidak mencukupi pun. Ada IPD ataupun ada daerah di Sabah ini yang tidak ada berek langsung, tidak ada perumahan langsung. Kita ambil contoh IPD Tuaran. IPD Tuaran telah lebih kurang 20 tahun dia punya berek rosak, permohonan bermacam-macam sudah dibuat tetapi kerajaan masih tidak bagi juga berek untuk IPD Tuaran.

Kalau ada pun berek disediakan di sebahagian tempat lain kebanyakannya, secara purata pun hanya mencukupi untuk 30 peratus hingga 40 peratus daripada populasi polis yang ada di daerah tersebut. Sebanyak 60 peratus hingga 70 peratus yang lain terpaksa menyewa di luar. Kadar sewa pula di Sabah ini antara 50 peratus hingga 100 peratus lebih tinggi daripada imbuhan tetap perumahan yang mereka peroleh.

Kalau di Kota Kinabalu sebagai contoh macam saya subinspektor, saya dapat elaun perumahan RM480 sebulan. Akan tetapi RM480 ini hanya layak untuk menyewa sebuah bilik yang berukuran lebih kurang 10 kaki persegi sahaja, untuk saya tinggal. Kalau saya hendak tinggal dengan keluarga saya, saya kena menyewa rumah yang harga sewa mungkin antara RM1,200 hingga RM1,500. Banyak masalah lain seperti masalah lif, rumah rosak, berek yang ada kadang-kadang rosak. Hendak masuk ke rumah— baharu pindah dari satu tempat hendak masuk ke rumah yang disediakan, terpaksa membelanjakan sampai ribuan ringgit untuk memperbaiki rumah usang yang terpaksa ditinggali itu.

Kelengkapan logistik kita faham-faham sahajalah. Kalau kita minta, kerajaan kata tidak cukup duit. Berlaku banyak. Ada bahagian tempat kita masih pakai kenderaan. Ada ketua polis balai masih menggunakan kenderaan daripada Kancil. Mungkin sekarang dekat habislah, sebahagian sudah diganti. Akan tetapi ada sebahagian masih menggunakan. Kancil ini dari awal-awal pertengahan tahun 80-an. Sudah hampir 30 tahun. Asal boleh jalan, masih boleh pakai. Land Rover daripada tahun 70-an masih ada digunakan, yang pintu kalau dibuka kadang-kadang terkepak sampai ke depan terus.

Saya terpaksa mengutarakan benda-benda ini kerana bagi saya perkara-perkara ini berkait rapat dengan IPCMC yang bakal ditubuhkan ini. Ini kerana apabila ditubuhkan IPCMC ini nanti, kami akan lebih banyak terikat seperti apa yang telah disampaikan oleh penghujah-penhujah sebelum ini, banyak yang akan mengikat kami. Banyak kami akan terdedah kepada aduan-aduan salah laku. Fasal apa salah laku pun kita tidak tahu. Kadang-kadang kita nampak orang sana jauh, tidak ambil tindakan salah, nak ambil tindakan pun salah. Mungkin salah laku juga itu.

Jadi, setiap pekerja wajar menikmati keperluan dan fasiliti kehidupan yang secukupnya untuk menjamin ia dapat menjalankan tugas dengan sebaiknya. Jika perkara-perkara kebajikan diambil berat oleh kerajaan, pasti akan meningkatkan semangat dan motivasi kerja. Akan tetapi jika sebaliknya berlaku, semangat dan motivasi akan menurun dan tentu akan menjejaskan prestasi.

Dalam konteks PDRM, seorang pegawai dan anggota yang keluar dari rumah untuk bekerja, jika tidak ada apa benda yang mengganggu emosi dan perasaannya, dia akan bekerja dengan perasaan gembira, ikhlas, semangat, bertanggungjawab dan bersungguh-sungguh. Ini pasti akan mendorongnya melakukan tindakan-tindakan yang positif dan tidak menyalahi apa-apa peraturan. Sebaliknya bila dia keluar daripada rumah, pergi kerja dalam keadaan yang kepala yang berserabut, hati yang kusut dengan macam-macam masalah yang difikirkan terutama masalah-masalah asas seperti daripada berek, rumah, tempat sewa jauh dengan *jammed* dan macam-macam lagi, itu akan menyebabkan dia beremosi. Emosinya akan terganggu.

Pergi kerja dalam keadaan beremosi akan menyebabkan perkara-perkara yang tidak baik. Dia kurang bersemangat, malas, rasa tidak rela, rasa marah dan macam-macam lagi. Akhirnya akan merangsang dia untuk melakukan tindakan-tindakan yang salah terutamanya apabila berhadapan dengan masyarakat. Ini akan menyebabkan terdedah kepada salah laku.

Di sini saya ingin menyeru kepada kerajaan. Jika kerajaan benar-benar ingin melihat polis ini lebih baik, lebih berintegriti, lebih cemerlang dan kurang masalah disiplin dan salah laku, masalah-masalah kebajikan, perumahan, logistik yang memang menjadi hak kami ini yang begitu lama benda ini bermasalah, sepatutnya jadi agenda penting kerajaan dan diselesaikan oleh kerajaan sebelum hendak fokus kepada IPCMC ini.

■1140

Ini kerana apa? Keperluan, kelengkapan, logistik dan sebagainya bagi penjawat awam adalah menjadi tanggungjawab kepada kerajaan yang mutlak. Bukannya hendak beri bersyarat. Bukan syarat hendak bagi IPCMC, kamu kena terima IPCMC, baru kami bagi. *No.* Tuan Pengerusi, Datuk-datuk, tuan-tuan dan puan-puan.

Perkara kedua yang saya ingin sentuh adalah mengenai fasal seksyen 5(2)(c) yang berkaitan dengan kuasa mengaudit dan memantau operasi dan tatacara operasi standard polis. Kami berpendapat, orang yang punya rumah akan lebih tahu dan lebih faham apa yang ada dalam rumah. Persoalannya, adakah nanti pegawai dan anggota pegawai Suruhanjaya yang dilantik dalam kalangan bukan polis ini dan bukan juga penjawat awam, memahami dan mengetahui secara mendalam prosedur ataupun tatacara polis menjalankan tugas.

Tahukah mereka cara hendak melaksanakan sesuatu tugas polis itu terutamanya yang berkaitan dengan penguatkuasaan, siasatan, operasi-operasi dan sebagainya. Sesuatu SOP yang dikeluarkan selama ini dibuat oleh mereka-mereka yang memang memahami secara mendalam satu-satu perkara atau tugas itu sendiri setelah melalui kajian-kajian yang mendalam dan dapatan-dapatan daripada pelbagai sudut.

Kalaulah ini terjadi, bagaimanakah nanti polis dapat menjalankan sesuatu tugas itu hingga mencapai matlamat yang jauh daripada sebarang kesilapan atau kesalahan prosedur. Kita harus ingat, sebahagian besar daripada tugas polis, merisikokan nyawa dan kecederaan – silap SOP Tuan Pengerusi, nyawa boleh melayang. Kami pandang ia juga bertentangan dengan Akta Rahsia Rasmi 1972. Sebahagian besar perkara dalam PDRM adalah tertakluk kepada rahsia rasmi yang mana kebocoran maklumat, boleh menyebabkan berlakunya sebarang kehilangan nyawa ataupun kerugian yang besar.

Pihak yang tidak bertanggungjawab boleh mensabotaj atau menggagalkan sesuatu operasi yang hendak dilakukan. Akhirnya, saya memandang dan kami memandang bahawa penubuhan IPCMC adalah satu perkara yang benar-benar membazirkan duit rakyat dan negara. Kalau saya lihat secara kasar, perjalanan IPCMC ini di peringkat penubuhan lagi akan memakan masa dan akan menelan belanja hingga puluhan juta. Operasi tahunan juga akan menelan belanja mungkin puluhan juta.

Apa salahnya puluhan juta ini, bagi kepada kami polis. Kalau katalah RM30 juta, cukup sudah untuk membina satu balai polis. Tahun ini dapat bina satu balai polis dan tahun hadapan dapat bina balai polis, daripada duit ini dibazirkan semata-mata untuk IPCMC ini. Akhirnya, saya mohon supaya diperhalusi semula 125 cadangan Suruhanjaya Diraja Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan PDRM dan RCI supaya boleh mencapai objektif sebenar penubuhannya dahulu. Bantulah kami, dengarlah kami dan layanlah kami dengan adil dan saksama. Kami percaya dan kami bertekad, kami warga PDRM sudah pasti

akan meningkatkan penyampaian perkhidmatan ke arah yang terbaik dan cemerlang serta menepati cita rasa masyarakat dan negara. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih. Sekarang saya menjemput Tuan Haji Kasim Salleh iaitu pembentang terakhir dari tempat, *group* yang keempat sekarang, dari RESPA. Silakan.

Tuan Haji Kasim Salleh [Setiausaha State Liaison Committee RESPA Sabah]: Selamat pagi Tuan Pengerusi dan Datuk-datuk yang ada sekalian. Dengan izin, *I like to reiterate RESPA's stand on this matter that we are not in favour of the RUU IPCMC.* Dengan izin ya, Tuan Pengerusi. Kalau kita imbau kembali, *IPCCMC is a disciplinary proceeding.* Jadi, *we need to be humanitarian as opposed to being cruel and brutal in our approach. We are not handling criminals and it is because of maybe mistake or on mission, maybe as opposed to offences of criminal nature.*

Even in handling criminal cases, I believe the police are tactful. Mereka menggunakan pendekatan yang saya rasa tidak melampaui batas. *So, disciplinary control as according to the Constitution which is under Article 140, Federal Constitution. The power is given to SPP which includes exercise of disciplinary control. So, if we look at the RUU IPCMC, we are treating as though we have an axe to grind against police. So, please reconsider the act as a whole whether it is beneficial for public at large as opposed to satisfy certain quarters.*

Coming back to the Constitution, we look at SPP. Give them more powers. Have extra members of the Committee to foresee discipline and extra backup staff. We need to be frugal and prudent in our spending as stated by my brother earlier on. Why not use the extra money to assist police welfare, logistic, housing and maybe extra allowance? The provision for disciplinary control is there. What need to be done is to improve. We don't have to have a new committee; we don't have to have new office and we don't have to have new backup staff.

All this cost money and it's public and taxpayer's money. The SPP in my view, coming back to Article 140, is sufficient and adequate and up to the mark in handling disciplinary control. Once again Tuan Pengerusi, Retired Senior Police Officers' Association of Malaysia (RESPA) is not in favour of IPCMC. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Okey. Jadi, saya mengucapkan terima kasih kepada semua penghujah dari empat kumpulan tadi. Seperti yang saya telah pun mencadangkan tadi, kami akan memulakan sesi soal jawab sekarang. Juga, pihak tuan-tuan dan puan-puan boleh menimbulkan apa-apa pandangan tambahan daripada sesi soal jawab tersebut, we – tujuannya adalah untuk mendapatkan sebanyak maklumat yang *possible* dan saya tertarik dengan –saya akan mulakan sesinya.

■1150

Saya tertarik dengan beberapa isu yang telah dibangkitkan. *Of course* sebelum ini seperti yang saya katakan tadi, kita telah berjumpa dengan pihak polis di tempat-tempat lain. Isu-isu yang sama juga telah ditimbulkan. Satu daripadanya adalah berkenaan dengan

kebajikan pihak polis ataupun *welfare* pihak polis, seperti *I think* beberapa penghujah telah pun membangkitkan tadi. *Welfare* ini saya setuju, adalah satu isu yang penting. Satu isu yang perlu ditangani oleh pihak kerajaan untuk pihak polis. Akan tetapi persoalannya, adakah *welfare* ini adalah berkait dengan salah laku polis sekiranya kita lihat secara keseluruhannya. *Is the welfare directly relevant or directly influences police misconduct.* Itu persoalan pertama saya.

Persoalan kedua adalah berkenaan satu isu yang agak penting adalah yang ditimbulkan oleh Dato' Zabidi, penghujah kedua dari kumpulan pertama berkenaan dengan isu *separation of powers*. Itu adalah satu— mengikut rang undang-undang ini, sekiranya kita lihat, ada *it appears to be the investigator, prosecutor and judge. All done by the same body.* *Now*, itu adalah satu perkara yang serius. Oleh sebab sekiranya kita lihat kepada sistem kehakiman kami sekarang, sistem pengadilan kami sekarang, kita mempunyai badan-badan yang asing untuk menjalankan tugas-tugas tertentu seperti pihak polis akan siasat, MACC akan siasat, bawa keterangan ke mahkamah. Mahkamah akan mendengar dan menentukan dan menghukum. So itu adalah terdapat *separation of powers*.

Ini adalah satu perkara saya agak tertarik dengan hujahan tadi oleh pihak tuan-tuan dan puan-puan tadi. Lagi satu dari Puan Sylvia iaitu berkenaan dengan tiadanya *caution* di dalam proses siasatan. *I believe* beliau dalam bahagian siasatan dan ini adalah *part and parcel of the investigation process* di mana di bawah CPC, mana-mana orang disoal siasat akan diberi opsyen untuk mendingkan diri dengan memberi *caution* kepada beliau yang nampaknya—*I think that is what you are saying. It is not present in this bill.*

Jadi ini adalah— tapi selain daripada kekurangan-kekurangan tersebut, selain daripada— sekiranya kekurangan-kekurangan tersebut boleh ditambah baik, seperti memberi hak *caution statement* kepada *to a person who is being investigated under the IPCMC, would that improve the situation.*

I take the RESPA's point that I think RESPA is the only party who has expressly stated that they are not in favour of it, which we appreciate. I they had given their reasons. So in my view, my question is can the bill be improved to be accepted? Because I think the underlying objective of this bill is to overcome misconduct and there have been complaints of misconduct. By misconduct I do not mean only high profile cases like death in lockups; Kugan and so on. I also mean day to day abuses and that I think does happen such as threats when taking confession and so on. These things do happen and it is quite evident that they do happened when courts very frequently throw out these confessions on grounds of duress and so on.

So, *can the bill be improved?* Bolehkah rang undang-undang ini dinaiktarafkan dan ditambah baik untuk di terima untuk— *to improve the quality of the force.* Sekiranya ada, apa cadangan-cadangan tersebut. Terima kasih. *That is my general overview and question.*

Mungkin ada apa-apa pandangan? *Improve the bill* dari segi apa yang saya telah timbulkan tadi.

Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Tuan Pengerusi, setelah rang undang-undang ini dirujuk ke jawatankuasa pilihan khas ini *which is the first bill referred to this select committee after the new government came up with select committee*, saya sendiri telah mencadangkan supaya kita meminta mengadakan pendengaran awam di merata-rata tempat di seluruh negara. Terbukti setelah kita pergi ke beberapa tempat, kita mendapat banyak pandangan-pandangan. Walau bagaimanapun pandangan-pandangan itu terhad dengan masa yang ada dan setakat ini pandangan-pandangan pun lebih kurang sama lah yang kita mendengar di Johor Bahru, di Pulau Pinang dan sebagainya. Pandangan-pandangan masih diterima secara bertulis ya Tuan Pengerusi? Kita masih boleh menerima.

Untuk makluman saksi-saksi sekalian, jawatankuasa ini juga telah mendengar taklimat daripada pihak PDRM, daripada pejabat polis tentang beberapa perkara termasuklah juga hal-hal yang berkaitan dengan kejadian sebenar salah laku polis. Pada tahun lepas sahaja kalau tak silap sayalah ingatan saya, dalam taklimat itu ada 11,000 salah laku polis, satu ribu lebih daripadanya adalah gagal menjalankan tanggungjawab dan sebagainya.

Jawatankuasa ini memang pada mulanya memang kita lihat bahawa pentingnya hal-hal yang berkaitan dengan kebajikan, logistik pihak PDRM— memang ini satu perkara yang memang kita tidak nafikan, memang betul dan sangat-sangat penting ditingkatkan.

Pertanyaan saya, saya tidak berapa jelas, ini yang saya mahu tanya balik pada Inspektor Sylvia tadi. Apabila dinyatakan tentang— saya mahu minta jelas sedikitlah. Tidak, ini Inspektor Pajar pula, minta maaf.

Kuasa Suruhanjaya— ini seksyen 5(c). Okey, jadi salah satu kuasa dia mengadakan pengauditan dan pemantauan mengenai aspek tertentu; kemudahan, logistik, operasi tatacara, operasi standard polis. Apakah dalam soal mengaudit kemudahan polis dan logistik itu penting bagi PDRM? Dalam lain perkataan, barangkali pihak yang membuat keputusan, hal-hal berkaitan dengan peruntukan, yang memberi peruntukan katakan. Dia tidak tahu betapa teruknya keadaannya seperti mana yang dinyatakan oleh Sub. Inspektor tadi. Akan tetapi apabila diaudit kemudahan-kemudahan itu, logistik dan sebagainya dan dimaklumkan dengan terperinci, adakah Sub. Inspektor memikirkan yang barangkali perkara itu akan diselesaikan? Setakat ini barangkali apabila dinyatakan oleh pihak kementerian, pelbagai permintaan dengan ini semua barangkali tidak sampai ataupun tidak menjadi sesuatu yang prioriti. Akan tetapi melalui audit ini apakah nanti ini dapat diselesaikan atau sebagainya? Ini dengan hal-hal logistik, hal-hal dengan kemudahan.

Contoh saya sering dengar dalam perbahasan di Dewan Rakyat, ESSCOM sebagai contoh bilangan botnya mahu 300 tapi yang boleh digunakan 80. Selepas itu minyak yang adapun sekian banyak sahaja sebagai contoh. Jadi kalau diaudit dan sebagainya dan

disampaikan kepada pihak yang berkenaan yang buat keputusan berkenaan pengagihan peruntukan, adakah nanti ini lebih senang dapat peruntukan ataupun macam mana? Saya minta pandangan dahulu daripada Sub. Inspektor.

■1200

SI Pajar Ali bin Rosman: Terima kasih Yang Berhormat. Dari sudut perkara-perkara berkaitan dengan para lima (2)(c) tadi itu yang menjadi pokok perbincangan saya adalah berkenaan dengan Prosedur Operasi Standard (SOP) itu. Berkenaan dengan perkara lain, mengaudit untuk apa segala kemudahan, logistik dan sebagainya itu saya rasa tidak ada masalah. Itu mungkin boleh membantu kepada PDRM untuk lebih dilihat perkara itu, masalah-masalah yang kita hadapi. Contoh kita sebutkan tadi, mungkin saya lupa hendak sebutkan tadi berkenaan mungkin dalam lokap-lokap polis, kita perlu juga tengok itu. Ini kerana kadang-kadang lokap-lokap polis ini ada yang satu tempat, kita ada kuota khas, ada had khas, katalah di suatu tempat itu hanya boleh memuatkan 20 orang contoh. Akan tetapi tiba-tiba kerana ada kes-kes tertentu, kita terpaksa masuk yang lebih ramai, dimasukkan yang lebih ramai. Itu akan lebih mengundang kepada masalah-masalah salah laku dan sebagainya.

Jadi, kalau berkaitan dengan fasiliti dan kemudahan-kemudahan itu, pengauditan itu saya rasa akan membantu. Akan tetapi kalau audit yang berkenaan dengan SOP untuk perkara-perkara yang berkaitan dengan penguatkuasaan dan sebagainya, kita hendak tangkap orang, kita hendak projek operasi-operasi tertentu, itu kita kluatir akan menyebabkan sesuatu perkara dan tugas yang akan dijalankan itu akan mengganggu keadaan, mungkin boleh terbocor rahsia dan sebagainya. Jadi, itu maksud saya tadi. So, dari sudut logistik dan dari sudut kemudahan-kemudahan, saya setuju itu membantu. Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau: Seterusnya, persoalan saya adalah mengenai kuasa Suruhanjaya juga. Kita ada insiden di negara kita ini. Insiden Pastor Raymond dan lepas itu Amri Che Mat yang *disappear*, yang hilang begitu sahaja. Ini pun sudah ditangani oleh pihak SUHAKAM. SUHAKAM telah pun membuat satu kenyataan yang begitu jelas, siapa yang telah membuat perkara itu dan disebut juga oleh pihak SUHAKAM. Jadi, dalam keadaan ini, siapakah yang boleh memastikan supaya perkara ini kita dapat meyakinkan balik masyarakat bahawa insiden seperti ini tidak boleh berlaku. Apa yang berlaku sekarang, satu petugas khas yang ditubuhkan untuk menangani ini. Akan tetapi kalau ia balik-balik ada berlaku begini, ada individu dan anggota masyarakat kita hilang begitu sahaja. *Who is going to take care this kind of things* kalau...

Tuan Pengerusi: Boleh saya tambah kepada apa yang ditimbulkan oleh rakan saya, berkenaan dengan *just* contoh, *enforce disappearances* seperti Pastor Raymond dan Encik Amri tersebut. Dalam kes-kes tersebut, SUHAKAM telah pun memberi kesimpulan. Kesimpulan itu, sehingga sekarang tiada siasatan dan tiada tindakan jenayah ataupun tiada tindakan mahkamah diambil terhadap mana-mana pihak. *Now*, tadi beberapa penghujah telah

pun menyatakan bahawa untuk kes-kes jenayah, biarlah mahkamah ataupun proses siasatan jenayah *takes place* untuk menjalankan tugas. Akan tetapi dalam kes-kes seperti Pastor Raymond dan kes-kes seperti ini, *how*– kes-kes seperti itu tidak dapat diselesaikan sekiranya tiada siasatan dalaman untuk dibawa ke peringkat mahkamah nanti. *It is because, in a case like that* terdapat elemen *cover up*. *I think that is something we have to be frank about*. Mungkin terdapat elemen *cover up* di dalam banyak kes yang melibatkan kesalahan ataupun salah laku polis.

Saya terima bahawa kes-kes seperti Pastor Raymond itu bukannya selalu berlaku. *It is not*- bukan sering *daily occurrence*. Itu kita terima. Akan tetapi juga ada *abuses* yang berlaku sering kali, yang sering kali juga di *cover up*. Itu adalah satu hakikat. *I think we have to*– saya hendak tanya, bukankah IPCMC ini boleh meningkatkan mutu perkhidmatan mutu PDRM *if there are proper safeguards for them to carry out their duty? Would that not enhance the quality of the service of PDRM to a certain extent?*

SAC Dato' Mohd Azman bin Ahmad Sapri [Ketua Urus setia KPN (Perundangan)]:

Yang Berhormat, dengan izin. *First of all, I would like to say that, in PDRM we don't have any policy on these condoning any criminal act or misconduct among the police officers. We are not agreeing with the words of "cover up". It is because, so many instances there are officers that has been charged in courts. Even the talking about Pastor Raymond and Amri Che Mat, SUHAKAM who made the findings and the Minister of Affairs whom has established a task force, headed by Dato' Abd Rahim Uda. They are still investigating this case and they were given six months to come out with their findings, sir. So, thank you.*

Tuan Pengerusi: *No doubt that is being carried out at this point of time. But, what I am saying is, are there incidences where they have been issues which are not brought up? Which are not properly investigated? Which the IPCMC can assist to investigate? Which will enhance the image of PDRM. For me, I think that is a good thing. If it can enhance the image of the PDRM, make it better in the long term, it is something which is might– that is why I always asked right from the beginning. No doubt the IPCMC bill ada kekurangan. There is no doubt about that and we appreciate your views on the kekurangan. Can we improve it to make it acceptable, so that both parties are happy, well not so unhappy at least, but both part it is more acceptable to the police as well. If you have any ideas or cadangan or proposal, maybe you can suggest them.*

CP Dato' Omar Haji Mammah [Pesuruhjaya Polis Sabah]: Tuan Pengerusi, saya Dato' Omar Haji Mammah, selaku Pesuruhjaya Polis Negeri Sabah. Berhubung dengan soalan yang dikemukakan oleh Tuan Pengerusi, mengenai sama ada IPCMC ini akan dapat mempertingkatkan kualiti penyiasatan polis. Saya rasa kita sudah ada badan yang lain daripada pihak polis yang memantau siasatan polis iaitu AG sendiri. Sebarang siasatan polis yang dijalankan oleh pihak polis, kita akan rujuk siasatan kita kepada Pejabat AG. *AG from*

time to time akan memberikan arahan-arahan yang perlu diambil untuk melengkapkan siasatan supaya siasatan ini dapat dikemukakan, dapat dilengkapkan dan suspek dihadapkan di mahkamah. Jadi, kita sudah ada badan. So, saya khawatir bahawa siasatan nanti ataupun *interference* oleh pihak IPCMC ini bukan memperbaiki mutu siasatan tetapi *demoralized police officer*. Oleh sebab saya khawatir bahawa oleh sebab *terms* ataupun terma yang digunakan di dalam rang undang-undang ini begitu luas mengenai salah laku polis. Saya khawatir bahawa ada benda-benda yang tidak dapat dilakukan oleh pegawai penyiasat, dianggap sebagai satu kelewatan, dianggap sebagai suatu tindakan melengah-lengahkan siasatan dan dianggap sebagai suatu salah laku.

Dalam proses siasatan seperti mana Tuan Pengerusi tahu, siasatan ini bukan sahaja—kalau kita menyiasat sesuatu kes, bukan sahaja menjurus kepada kes yang kita siasat, mungkin melibatkan benda-benda lain, melibatkan jabatan lain dan melibatkan Jabatan Kimia. Misalnya, laporan yang perlu kita dapatkan, laporan perubahan mungkin lambat. Jadi, benda-benda ini melambatkan siasatan. Saya khawatir bila kelambatan ini berlaku, so IPCMC menganggap ini sebagai suatu kecuaiian oleh pihak polis. Jadi, kita sudah ada badan iaitu Pejabat AG. Selain daripada Pejabat AG, kita ada satu cawangan di peringkat Bukit Aman iaitu D5 iaitu di mana kes-kes siasatan itu pun kita rujuk kepada mereka. Mereka akan memberikan arahan-arahan yang tertentu.

■1210

Berbalik kepada persoalan sama ada logistik boleh mempengaruhi salah laku polis. Yes. Saya katakan di sini bahawa logistik boleh mempengaruhi salah laku polis. Sepertimana yang dibangkitkan oleh SI Pajar Ali tadi, kita di Sabah menghadapi masalah dari segi demografi, geografi, keadaan muka bumi yang begitu jauh, kenderaan kita tidak mencukupi dan perjalanan begitu jauh. Katakanlah kita menyiasat di suatu tempat. Siasatan ataupun mungkin kata sampai ke tempat tersebut mengambil masa sehingga enam jam. Mangsa tidak puas hati, katanya polis lambat sampai ke tempat kejadian. Mangsa tidak faham masalah yang kita hadapi. Dia buat *complaint* kepada IPCMC. Polis lambat ke tempat kejadian. Tidak fasal-fasal pegawai penyiasat disiasat disebabkan masalah kekurangan logistik.

Banyak lagi, contoh lif kita rosak. Lif rosak misalnya. Bagaimana? Pegawai penyiasat tinggal di tingkat 10 terpaksa berjalan kaki turun ke bawah dan bila sampai ke bawah sudah mengah dan sudah penat pula. Bila turun ke bawah, kenderaan tidak mencukupi. Lambat sampai ke tempat kejadian. Semua faktor-faktor ini akan menyebabkan tohmahan-tohmahan yang tidak sepatutnya dilemparkan kepada polis.

Satu lagi, misalnya, sekarang ini kita ada KPI di mana MPV mesti sampai ke tempat kejadian dalam masa 15 minit apabila diarahkan pergi ke tempat kejadian. Kadang-kadang *jammed* ataupun kadang-kadang kenderaan kita rosak. Kenderaan kita rosak. Lambat sampai ke tempat kejadian dan pengadu tidak puas hati, buat tohmahan polis lambat ke tempat

kejadian. Ini semuanya ini, contoh yang saya berikan ini, semuanya ini akan menyebabkan polis nanti disiasat oleh pihak IPCMC dan akan menyebabkan anggota polis dan pegawai polis *demoralize*.

Seorang Ahli: Chairman...

Dr. Su Keong Siong [Kampar]: Tuan Pengerusi, memang seperti mana yang telah dinyatakan oleh Tuan Pengerusi, kebajikan polis dan logistik itu satu isu yang perlu ditambah baik. Bagi kami, dalam IPCMC ini, hal-hal seperti kelewatan ataupun lif rosak, itu bukan salah laku. Kecuali kalau katakanlah kerosakan lif menyebabkan kecederaan, ada berkaitan mungkin. Akan tetapi itu bukan salah laku *per se* seperti mana yang terkandung dalam skop IPCMC.

Saya lebih tertarik kepada isu yang dibangkitkan adalah skop kuasa Suruhanjaya IPCMC untuk mengaudit dan memantau tatacara SOP. Jadi, seperti mana yang dibangkitkan oleh Subinspektor Pajar Ali, ia adalah isu di mana yang perlu dipertimbangkan lebih teliti. Akan tetapi apa yang saya hendak tanya di sini adalah seperti kes Aminulrasyid Amzah di Shah Alam yang ditembak mati. Budak 14 tahun ditembak mati dengan 14, 15 das tembakan. Adakah bukannya ini lebih baik dan kes itu memang menjejaskan imej PDRM secara keseluruhannya walaupun ia satu insiden saja. Jadi soalan saya, bukannya IPCMC yang mana diberi kuasa untuk memantau ataupun mengaudit skop tatacara SOP ini dapat meningkatkan imej ataupun memperbaiki imej polis? Itu soalan saya.

CP Dato' Omar Haji Mammah: Saya rasa Yang Berhormat, perkara kes Aminulrasyid Amzah ini telah disiasat, telah dirujuk kepada Pejabat Peguam Negara, telah dibicarakan di mahkamah dan orang yang terlibat pun telah dijatuhi hukuman. Jadi, saya tidak nampak...

Dr. Su Keong Siong: Ya, memang kejadian itu berlaku dan / hendak tanya, bukannya ia lebih baik kalau IPCMC dapat memantau ataupun mengaudit skop tatacara polis itu. Kami bukan kata semua polis tidak baik tetapi skop SOP yang telah berlaku pada kejadian itu perlu diperhalusi memandangkan kejadian Aminulrasyid ini. Setuju atau tidak?

CP Dato' Omar Haji Mammah: Okey, Yang Berhormat. Proses siasatan ini adalah merupakan proses siasatan sulit termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi. So, saya tidak pasti sama ada IPCMC ini dibekalkan dengan kuasa untuk *access* kepada dokumen-dokumen yang telah *di-classified* sebagai dokumen sulit. Jadi, ini kena tanya kepada Peguam Negara sebab kalau hendak *access* kepada siasatan yang dibuat oleh polis dan dokumen yang disiasat atau telah diklasifikasikan sebagai sulit, ini kita tidak pasti.

Akan tetapi apa yang saya hendak jelaskan di sini, kita sudah ada agensi lain. Peguam Negara dan D5 Bukit Aman hendak memantau siasatan. So, saya tidak nampak ia di sini apa keperluannya lagilah IPCMC kerana kita sudah ada, kan? Kes-kes yang telah dipantau oleh Peguam Negara yang merupakan agensi yang di luar daripada PDRM ini dibawa ke mahkamah dan dibicarakan di mahkamah.

Tuan Pengerusi: Akan tetapi badan-badan ataupun pihak seperti D5 adalah pihak polis sendiri, *isn't it?*

CP Dato' Omar Haji Mammah: Yes.

Tuan Pengerusi: Jadi, polis akan siasat polis sendiri? Bagaimana adakah itu satu...

CP Dato' Omar Haji Mammah: Polis siasat sendiri dan ada polis yang telah dituduh di mahkamah.

Tuan Pengerusi: Faham, faham. Saya faham.

CP Dato' Omar Haji Mammah: Ya, ya.

Tuan Pengerusi: Akan tetapi adakah itu satu perkara— itulah perkara pokok, *isn't it? You know, is it desirable for the—* adakah kita akan dapat mendapat *outcome* yang munasabah dan wajar sekiranya polis menyiasat mereka sendiri? Bukankah itu satu konflik yang akan menimbulkan satu *outcome* yang tidak boleh diterima?

CP Dato' Omar Haji Mammah: Saya tidak setuju dengan itu. Walaupun polis menyiasat polis tetapi kes itu masih lagi dirujuk ke DPP iaitu badan lain. DPP yang akan membuat keputusan sama ada kes itu dirujuk ke mahkamah ataupun tidak. Kalau DPP ambil keputusan— DPP ini satu badan lain, bawah AG. Kalau DPP buat keputusan untuk menuduh, kes akan dibawa ke mahkamah. Jadi, tidak timbul bahawa polis akan melindungi polis dalam isu ini.

DCP Dato' Zaini bin Jass [Timbalan Pesuruhjaya Polis Negeri]: Tuan Pengerusi, saya hendak tambah sedikit apa yang— Saya DCP Dato' Zaini bin Jass, Timbalan Pesuruhjaya Polis Negeri Sabah. Saya hendak menambah apa yang telah dinyatakan oleh Dato' CP. Saya menyokong penuh apa pendirian PDRM. *Even though* polis siasat, polis tiada kuasa untuk memutuskan sesuatu itu salah atau tidak salah terutamanya di mahkamah seperti mana yang hendak diberikan kuasa kepada IPCMC.

Polis hanya menyiasat. Kita amalkan *suppression of power*. Polis siasat, hasil siasatan kita, kita rujuk kepada DPP. DPP yang akan membuat keputusan sama ada setelah cukup bukti untuk pertuduhan atau masih belum cukup, dikemukakan semua kepada polis untuk pihak polis meneruskan siasatan. Jadi, tidak timbul sama sekali elemen *bias* atau *cover-up* di dalam pasukan polis. Saya cerita tidak habis lagi Tuan Pengerusi. So, di sini seperti mana Pembentang 1, SAC Datuk Jauteh sebut tadi, polis dah wujud lebih 200 tahun, ya. Saya rasa integriti PDRM tidak pernah tercabar ataupun tidak pernah luntur. Kami tetap menyokong di mana kerajaan yang wujud. Siapa kerajaan, kita sokong.

Saya hendak tekankan satu lagi, berhubung dengan kebajikan. Tuan Pengerusi dan juga Yang Berhormat Kampar, kerap kali menimbulkan sesuatu insiden walaupun terpencil. Kalau dikumpulkan saya rasa tidak ada sampai 1,000 pun. Akan tetapi Ahli Suruhanjaya sangat mengambil berat dan prihatin terhadap perkara-perkara ini. PDRM ada 140,000 pegawai dan anggota. Dalam 140,000 ini, siapa hendak tengok kebajikan ini? Bila 1,000

complaints ini ramai orang hendak tengok. PDRM seramai 140,000 sudah wujud dan sudah berkhidmat kepada kerajaan untuk menjaga rakyat dan keselamatan lebih daripada 200 tahun.

Hina sangat kah polis ini, tidak ada hendak tengok ini. Siapa hendak bela ini? Contoh kalau Tuan Pengerusi menyentuh berhubung dengan kebajikan, hubung kait kebajikan dengan salah laku. Salah laku, kalau kita tengok ada dua peruntukan disebabkan *very general*. Tadi Yang Berhormat Kampar kata, telah lewat pergi ke tempat kejadian, bukan salah laku. Dalam tata tertib PDRM, itu *is a part from the* salah laku sedangkan kalau kita lihat daripada bil IPCMC ini yang mana tafsiran salah laku ini lebih luas dan lain-lain yang berkaitan. *Of course* itu juga salah laku. Macam mana Yang Berhormat itu bukan salah laku? Saya tanya, saya tanya. *Please*, itu saya tanya *straightforward*.

■1220

Dr. Su Keong Siong: Saya kata bukan salah laku sekiranya kereta rosak ke, ataupun lif rosak. Saya tidak kata kelewatan, bukan. Saya kata macam kalau kata logistik ataupun kemudahan tidak lengkap menyebabkan kelewatan, itu bukan salah laku.

DCP Dato' Zaini bin Jass: *Agreed*, tapi *at the end...*

CP Dato' Omar Haji Mammah: *It is fair enough* tetapi orang awam ataupun mangsa akan menganggap itu sebagai satu salah laku. Jadi bila benda ini, isu ini ditimbulkan kepada IPCMC, IPCMC tak fasal respons kepada aduan oleh orang awam dan terus siasat. Jadi, dalam masa proses siasatan, sudah trauma *faced by* pegawai polis berkenaan, *will take a few months*. Jadi, ini ada kaitannya.

Okey tadi soal— berbalik kepada persoalan yang ditimbulkan oleh Tuan Pengerusi tadi. Adakah dengan *interference* daripada IPCMC ini akan dapat memperbaiki kualiti penyiasatan? Satu perkara yang kita perlu ambil perhatian lebih awal— di peringkat awal iaitu tentang rang undang-undang ini. Ini kerana rang undang-undang ini— adakah IPCMC ini akan bersikap adil sekiranya peruntukan yang ada ini yang dibentangkan tadi, persoalan-persoalan dibangkitkan tadi itu tidak akan dipinda? Misalnya kita lihat di sini, *no separation of power*. Terima aduan, siasat dan seterusnya jatuhkan hukuman. Dia sendiri jatuhkan hukuman. Jadi, bagaimana perkara ini dianggap sebagai adil dan akan dapat meningkatkan integriti ataupun imej polis, sedangkan dalam proses siasatan IPCMC ini *no separation of power*. Itu satu.

Yang kedua, dalam proses siasatan IPCMC ini tidak mematuhi *due process of law* yang diamalkan oleh negara kita. Contoh tadi itu, peruntukan dalam seksyen 112 Kanun Acara Jenayah, tidak dipatuhi. Anggota polis dipanggil, dipanggil pun— itu kemudian saya akan bentang. Anggota polis dipanggil dan dipaksa untuk memberikan keterangan. Kalau enggan memberikan keterangan, sudah dianggap sebagai salah laku, boleh dihukum dengan dua tahun penjara ataupun tidak lebih daripada RM10,000. Seperti mana yang dikatakan tadi itu, kes salah laku belum selesai disiasat, ini sudah dijatuhkan hukuman pula dengan kesalahan

lain. Pada saya, *this is totally draconian. Totally draconian and cannot be accepted by any undang-undang kemanusiaan.*

Kemudian satu lagi tadi tentang memanggil, kuasa untuk memanggil. Sudah dibangkitkan siapa yang berkuasa untuk memanggil pegawai polis ini, sama ada mahkamah ataupun melalui panggilan notis sahaja. Panggilan notis ini di bawah seksyen mana, dalam Kanun Acara Jenayah kalau tidak silap saya— Dato' Azman *please correct me*. Kita ada seksyen 111, Kuasa Untuk Memanggil Saksi. So, dalam seksyen 111 Kanun Acara Jenayah itu pun memberikan kelonggaran kepada orang yang kita panggil. Maknanya kalau dia tinggal tujuh batu, Dato' Azman ya, kalau dia tinggal tujuh batu tidak perlulah dia tergesa-gesa. Dia boleh bagi alasan yang dia tidak perlu datang. So, ada kelonggaran-kelonggaran yang diberikan kepada orang yang kita panggil.

Saya tengok dalam seksyen *bill* ini langsung tidak memberikan kelonggaran kepada pihak polis. Panggil sahaja dia mesti datang. Bagaimana kalau pihak anggota polis yang dipanggil ini dia sakit ataupun dia menghadiri perbicaraan di mahkamah ataupun dia menyiasat sesuatu kes ataupun benda-benda yang lain. Dia tidak dapat hadir. Adakah ini dianggap sebagai sesuatu kesalahan dan boleh dijatuhkan hukuman dua tahun penjara ataupun denda tidak lebih RM10,000. Itu yang saya katakan ini *totally draconian*. Tidak memberikan keadilan kepada pegawai polis ataupun anggota polis yang disiasat dan saya rasa ini perlu dilihat secara serius.

Kemudian tadi dibangkitkan oleh SI Pajar Ali tentang audit. Audit logistik, biarlah tuan rumah itu sendiri yang tahu apa benda yang diaudit. Ini betul. Tuan Pengerusi adalah pengamal undang-undang, boleh hadir di mahkamah membela orang yang salah, yang dituduh di mahkamah. Bolehkah kita mengarahkan cikgu untuk pergi hadir ke mahkamah membela orang yang bersalah. Sama dengan proses audit. Bolehkah kita memanggil orang mengaudit sebarang kelemahan, sebarang kekurangan yang ada dalam PDRM? Orang yang tidak *expert* ataupun orang yang *expert* tidak ada hadir di dalam proses pengauditan. Itu satu.

Yang satu lagi saya amat tertarik dengan *representative* daripada pihak IPCMC pada hari ini yang diwakili oleh saya tengok dari pelbagai agensi. Ini menunjukkan *inclusiveness*, keadilan dalam sistem demokrasi kita. Saya begitu tertarik, tetapi IPCMC tidak mempamerkan sikap demokratik, keadilan dalam proses siasatan di mana dalam undang-undang yang ada, anggota polis atau bekas polis atau wakil daripada polis tidak dimasukkan dalam proses siasatan. Di mana keadilan semuanya? Itu sahaja, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Okey, *I think...*

Dr. Su Keong Siong: Saya ada lagi satu isu yang dibangkitkan oleh Puan Inspektor Sylvia yang telah bangkitkan tentang seksyen 26(1) terutamanya (a) dan (b). Di dalam (3) memberi hak kepada seseorang yang disiasat ataupun saksi-saksi untuk enggan menandatangani pernyataan tersebut, yang direkodkan. Adakah itu proviso memadai?

Memandangkan— memang kami faham isu yang dibangkitkan adalah *right to silence and all this*, itu yang terkandung dalam seksyen 112 CPC.

Akan tetapi di dalam (3) telah memberi hak kepada orang yang disiasat ataupun saksi-saksi untuk tidak menandatangani pernyataan tersebut. Adakah itu memadai dalam pandangan anda? Boleh saya tunjuk dalam (3), yang penting adalah “*dan jika orang itu enggan menandatangani rekod itu, pegawai itu hendaklah mencatatkan pada rekod itu yang rekod itu ditandatangani oleh pegawai itu hakikat keengganan itu dan sebab-sebabnya, jika ada, yang dinyatakan oleh orang yang diperiksa itu*”. Jadi, proviso ini adalah satu proviso yang memberi sedikit hak untuk tidak menandatangani penyata yang diberikan. Dalam CPC, semua pernyataan perlu ditandatangani dan ini tidak perlu. Adakah ini memadai dalam pandangan anda?

ACP Tan Boon Seng: Yang Berhormat, kalau boleh saya mengulas. Proviso ini tidak memadai walaupun ia tidak diwajibkan untuk tandatangan, tetapi kalau kita tengok bahagian atas itu, dia wajib menjawab. So, kalau dia tidak jawab walau dia tidak tandatangan tetapi dia masih kena hukum. So, apa gunanya letak proviso untuk dia tidak perlu tandatangan? Akan tetapi di atas itu dia kena jawab. Itu lebih bahaya daripada tandatangan di bawah. Maksud kalau di atas itu, dia kata dia diberi hak untuk tidak menjawab, jika jawapan diberi boleh menyebabkan dia dituduh, tandatangan di bawah adalah satu benda yang bagus, itu satu *necessity*. Perlu bila you beri *statement*, you kena tandatangan. Bila buat *agreement* pun kena tandatangan. Akan tetapi yang di atas itu yang dipertikaikan. Di bawah itu tidak boleh membantu laporan kesalahan di atas itu. So, kita punya pegawai masih tidak boleh lari. So, *you understand what I mean?*

Dr. Su Keong Siong: Bukan, saya faham apa yang dibangkitkan. Pada pendapat saya, ini akan mewujudkan suatu isu di mana sama ada pernyataan atau tidak ditandatangani.

■1230

ACP Tan Boon Seng: Bagi saya *provision* ini kena buat dia kena tandatangan sebab dalam undang-undang lain pun dia kata dia kena tandatangan.

Dr. Su Keong Siong: Itu yang dikehendakilah.

ACP Tan Boon Seng: *What is the reason you put there, that you don't have to sign but you have to answer.* Yang Berhormat belakang pun setuju, Yang Berhormat pun juga belakang itu.

CP Dato' Omar Haji Mammah: Saya rasa isu tandatangan di sini bukannya mustahak sangat. Dia kena tandatangan sebab dalam 112 dia kena tandatangan. Persoalan di sini, sama ada dia perlu menjawab ataupun tidak. Itu sahaja persoalan yang pertama.

Di dalam peruntukan CPC dia boleh enggan untuk tidak – enggan menjawab sebarang persoalan. Dia boleh enggan. Akan tetapi dalam peruntukan di sini dia kena menjawab. Jadi ini bertentangan kehendak CPC. Soal tandatangan tidak ada masalah tetapi hak untuk

bercakap ataupun tidak. Sekiranya soalan yang dikemukakan itu menyebabkan dia boleh di-*implicate* dan dituduh di mahkamah, dalam peruntukan CPC dia boleh enggan menjawab. Akan tetapi di sini dia kena menjawab. Jadi tidak ada perlindungan yang diberikan kepada orang yang disiasat.

ACP Tan Boon Seng: *Sorry* Tuan. Kalau boleh saya ingin mengulas tentang Yang Berhormat katakan tadi masalah logistik ini tidak ada kena mengena dengan masalah salah laku dan sebagainya. Saya rasa apa Yang Berhormat cakap ini satu pandangan yang cukup dangkal. Kita kena tahu bahawa dalam apa sahaja jabatan dan dalam polis sendiri pun dia ada arahan, SOP dan PTKPN.

Saya beri contoh macam isu dalam lif. Kalau lif lambat turun tetapi dalam kita punya KPI dan dalam arahan MPV kena sampai di tempat kejadian dalam masa 15 minit. Akan tetapi kalau anggota ini di atas, tidak boleh turun dah setengah jam dah melanggar satu SOP. Itu pun satu kesalahan juga, satu salah laku juga. Maksudnya sini Yang Berhormat sendiri pun kena faham apabila dibuat satu tafsiran itu kena tahu apa maksudnya di situ, apa implikasi di sebaliknya.

Oleh sebab itu kita katakan pada awal akta ini ataupun bil ini dan dia punya ayat-ayat itu semua tidak jelas, semua tidak menyatakan dengan *detail* apa yang sepatutnya berlaku. Mungkin akan dibuat peraturan selepas ini tetapi perkara asasnya di sini kita kena nyatakan dengan jelas.

Tuan Pengerusi: Okey, just secara akhirnya *I just* tanya, selain daripada RESPA adakah tuan-tuan dan puan-puan menyokong ataupun membantah IPCMC ini? *It is because* pendirian IGP adalah menyokong dengan syarat. So, apakah pendirian tuan-tuan dan puan-puan? Adakah tuan-tuan dan puan-puan tidak setuju dengan IGP tersebut atau macam mana? Itu kita hendak jelaskan.

CP Dato' Omar Haji Mammah: Tuan Pengerusi, sebagai Pesuruhjaya Polis Sabah dan kita semua anggota polis dan pegawai polis yang berkhidmat dalam PDRM ini, salah satu sikap ataupun kriteria yang ada pada kita adalah patuh kepada pemimpin. So, kita akur dengan pendirian yang telah dikemukakan oleh Yang Dihormati *Inspector-General of Police*. So, kita akur dan kita setuju tetapi bersyarat.

DCP Dato' Zaini bin Jass: Yang Berhormat, saya tambah sikit Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Boleh, boleh.

DCP Dato' Zaini bin Jass: Seperti mana kenyataan Dato' CP saya, PDRM Sabah di bawah pimpinan Dato' CP kita menyokong pelaksanaan ini dengan bersyarat dan syarat itu adalah mengambil kira semua pandangan-pandangan yang telah dikemukakan oleh pihak polis dan mesti ditambah baik. Bukan satu syarat sahaja, semua pandangan PDRM mesti diambil kira dan ditambah baik. Itu syarat daripada PDRM. Bukan setakat satu atau dua penambahbaikan. *No*. Semua, secara keseluruhan.

Sesi pendengaran awam telah dibuat di empat tempat dan juga di tempat lain. Saya rasa jawatankuasa *select committee* ini perlu mengambil semua cadangan penambahbaikan yang telah dikemukakan oleh pihak PDRM tanpa tolak ansur. Terima kasih.

SAC Dato' Mohd Azman bin Ahmad Sapri: Yang Berhormat dengan izin, *I think it has been said in the Parliament in the mitting, our director said that we accept with the qualified. Number one is to address constitutional issues, legal issues, welfare and logistic and it must come together. There is no separation. Thank you.*

ACP Abdul Rahman bin Kassim: Yang Berhormat, saya ada satu perkara yang hendak dibawa di sini iaitu di bawah seksyen 26(4). Seksyen 26(4) ini mempunyai satu niat yang tersembunyi. Kalau kita tengok kerana apabila sahaja tidak dapat memenuhi—*[Disampuk]* Seksyen 26, ya. Apabila seorang yang diperiksa tidak dapat memenuhi kemahuan suruhanjaya, maka suruhanjaya berhak sepenuhnya untuk menjatuhkan terus hukuman ke atas orang yang diperiksa. Di mana suruhanjaya telah pun menjadi seorang pegawai penyiasat, pegawai pendakwa dan juga menjadi seorang hakim terus. Ia dilihat mempunyai niat yang tersembunyi.

Adalah lebih baik para ini dikeluarkan dan digantikan dengan satu bentuk yang munasabah yang boleh diterima. Adalah suatu perkara yang tidak adil apabila tidak dapat memberikan apa yang dikehendaki oleh suruhanjaya terus dijatuhkan hukuman. Kalau hendak dikatakan menggunakan kuasa, ini adalah suatu yang boleh dikatakan juga penyalahgunaan kuasa dan ini akan menyebabkan bahawa orang yang tidak bersalah, yang tidak dapat memberi dan memenuhi kehendak suruhanjaya akan menjadi mangsa kepada IPCMC ini sendiri. Dalam menambah baik ianya menjadi mangsa.

